

Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari

Nor Dalilah Zakaria¹
Raihanah Azahari²

Abstrak: Cabaran pada era kontemporari membawa masyarakat berdepan dengan masalah keruntuhan nilai kemanusiaan, jenayah yang berleluasa serta ketidakseimbangan emosi sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa. Realitinya keberagamaan masyarakat Islam berada pada tahap rendah atas pelbagai faktor antaranya rendahnya kefahaman agama, terpengaruh dengan budaya barat dan merasakan kehidupan beragama hanya bagi mereka yang berusia tua. Nilai-nilai keagamaan yang semakin rendah serta berlakunya konflik dalam institusi keluarga mampu menyumbang kepada wujudnya penyakit sosial masa kini. Krisis kejiwaan dan ketandusan spiritual manusia di era globalisasi dapat diatasi jika manusia kembali kepada agama dan mengamalkan ajaran-ajaran agama. Masyarakat perlu mempunyai kemahiran daya tahan dan jati diri yang kukuh bagi melahirkan insan seimbang dari aspek dalaman dan luaran. Oleh itu suntikan elemen agama dan kerohanian menjadi keutamaan sebagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan diri. Artikel ini menggunakan metod dokumentasi dengan mengumpulkan data-data berkaitan nilai tiga prinsip asas agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan sebagai asas fardu ain yang menjadi kewajipan kepada setiap mukallaf untuk dipelajari, difahami, dihayati serta

¹ Pelajar Ijazah Kedoktoran, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur) Email: zdalilah@gmail.com

² Profesor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur. Email: raihan@um.edu.my

diamalkan. Artikel ini juga membincangkan 10 ciri amalan beragama di dalam Surah al-Ahzab ayat 35 sebagai ciri amalan beragama yang perlu diikuti oleh setiap individu muslim dalam mengharungi kehidupan sehari-hari. Artikel ini menyimpulkan terdapat enam elemen utama dalam menghayati amalan beragama melalui tiga prinsip agama. Enam elemen ini yang berkait di antara satu sama lain iaitu; Ilmu; Amalan zahir dan batin; Hubungan dengan Allah dan manusia; Perintah suruhan dan tegahan; Amalan fardu dan nawafil dan Istiqomah.

Kata kunci: *Cabarān kontemporari, Iman, Islam, Ihsan, Amalan beragama.*

Pendahuluan

Manusia diciptakan agar berperanan melaksanakan amanah besar sebagai khalifah di muka bumi (Surah al-Baqarah: 30). Segala tindakan dan perlakuan manusia mampu membawa kepada keharmonian dan kesejahteraan ataupun membawa kepada kebinasaan dalam kehidupan dan persekitaran mereka. Justeru, manusia dipertanggungjawabkan untuk menjalani kehidupan dengan penuh ketaatan dan kebaikan seiring dengan peranan mereka untuk memakmurkan alam (Surah Hud: 61).

Ibnu Sina telah menggariskan empat keperluan manusia yang perlu dipenuhi sebagai usaha untuk mencapai hidup yang harmoni dan sejahtera. Keperluan tersebut adalah keperluan kepada wahyu Ilahi (agama), keperluan kepada sumber kehidupan, keperluan kepada keluarga dan keperluan kepada masyarakat (Ibnu Sina, 1960; Mohd Roslan Mohd Nor & Zaiton Mustafa, 2018). Menurut al-Farabi, hidup yang bahagia dan aman harus mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan dengan perlakuan yang baik kerana semua amalan tersebut berperanan dalam menentukan

kebahagiaan di dunia dan akhirat (al-Farabi, 1966). Usaha bagi memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat berkait dengan amalan zahir seperti berakhlak mulia dan amalan batin seperti jiwa yang baik iaitu jiwa yang terlepas daripada ikatan kebendaan dan tuntutan hawa nafsu, melaksanakan amanah dan janji, menunaikan tanggungjawab syarak dengan sempurna, menghindarkan diri dari dosa-dosa besar, meninggalkan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT (Muhammad Shahjahan, 1985).

Cabaran pada era kontemporari membawa masyarakat berdepan dengan masalah keruntuhan nilai kemanusiaan (Mohd Kamal, 2012), jenayah yang berleluasa (David S. Wall, 2005) di samping ketidakseimbangan emosi sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa (Sharifah Basirah, 2021). Gejala penyakit sosial dalam masyarakat Islam yang amat membimbangkan seperti perhubungan seks bebas, penyalahgunaan dadah, amalan buang bayi, budaya hedonisme dan jenayah alam siber semakin menjadi-jadi. Selain dari itu masyarakat Islam semakin terdedah kepada aliran pemikiran liberalisme, materialisme dan sekularisme (Mohd Kamal, 2012). Di samping itu, kemajuan dunia kini telah membuka setiap ruang kehidupan tanpa sempadan yang menyebabkan pemikiran dan jati diri umat Islam berdepan cabaran besar dan mesti ditangani dengan segera (Che Zarrina & Joni Tamkin, 2004). Dalam konteks ini masyarakat perlu mempunyai kemahiran daya tahan dan jati diri yang kukuh bagi melahirkan insan seimbang dari aspek dalaman dan luaran. Oleh itu suntikan elemen agama dan kerohanian menjadi keutamaan sebagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan diri.

Kesihatan mental seperti kemurungan merupakan isu kesihatan dunia yang menjadi polemik masa kini dengan angka lebih dari 300 juta penderita di seluruh dunia dan angka tersebut terus meningkat (Toghyani et al., 2018).

Beban masalah mental memberi impak kepada aspek kesihatan, sosial, dan ekonomi (Jenkins et al., 2011). Peningkatan isu kesihatan mental perlu diberikan perhatian berdasarkan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, masalah kemurungan golongan dewasa di Malaysia adalah sebanyak 2.3% iaitu seramai setengah juta orang mengalaminya. Antara gejala-gejalanya adalah perasaan murung, kehilangan minat dan keseronokan, kurang keyakinan diri, idea untuk membahayakan diri atau keinginan untuk membunuh diri serta mengalami gangguan tidur dan selera makan (Insititut Kesihatan Umum 2020). Sebahagian daripada masalah gangguan mental ini bermula seawal usia 14 tahun dan tiga per empat daripadanya berlaku pada pertengahan usia 20an (Berita Harian, 2020). Data laporan tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 2018 merekodkan 465 kes cubaan bunuh diri antara Januari sehingga Jun 2020. Aspek kesihatan mental ini sering kali diabaikan oleh masyarakat kerana ia biasanya tidak terzahir secara fizikal. Namun, apabila masalah ini berlaku secara terus menerus dalam tempoh masa yang lama, ia semestinya akan memberikan kesan terhadap kesihatan fizikal.

Tambahan pula sepanjang pandemik Covid 19 melanda dunia, isu kesihatan mental dan psikologi terus meningkat. Menurut laporan mulai 1 Januari 2021 sehingga 18 Jun 2021, Talian Bantuan Sokongan Psikososial telah menerima sebanyak 122,328 panggilan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 109,806 panggilan iaitu 89.4% yang membuat panggilan telefon memerlukan sokongan emosi dan kaunseling. Antara aduan yang diterima berpunca daripada pelbagai masalah sosial seperti kehilangan punca pekerjaan dan pendapatan; hilang tempat bergantung; pergaduhan antara ahli keluarga; dan masalah rumah tangga seperti pertengkaran, perpisahan, penceraian serta berlaku penderaan emosi dan fizikal (<https://covid-19.sosial.gov.my/>)

19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/06/inisiatif-perkhidmatan-kesihatan-mental-dan-sokongan-psikososial-mhpss-kkm). Masyarakat khususnya dalam kalangan umat Islam semakin kerap menghadapi ketidakseimbangan emosi, psikologi, dan kognitif sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa (Abdul Aziz et al. 2020).

Kajian turut mendapati realiti keluarga Islam masa kini sedang menghadapi ancaman yang cukup besar sehingga boleh membawa kepada keruntuhan akhlak, sosial dan ekonomi (Wan Mohd Yusof et.al, 2017). Krisis kejiwaan dan ketandusan spiritual manusia di era globalisasi dapat diatasi jika manusia kembali kepada agama dan mengamalkan ajaran-ajaran agama (Mohd Soleh, 2005). Pendekatan terapi psikospiritual dengan kaedah solat, zikir, doa, amalan filantropi dan rasa redha dilihat sebagai salah satu platform alternatif yang boleh digunakan dalam menangani masalah kemurungan (Abdul Rasyid et.al, 2020). Elemen keagamaan dan spiritual berperanan dalam mempengaruhi kesihatan fizikal (Ahmad Hisham & Che Zarrina, 2005) di samping menjadi asas kepada penyelesaian permasalahan kekeluargaan (Salasiah, 2016). Hasil kajian turut mendapati penghayatan ilmu tasawuf merupakan mekanisme holistik zaman kini usah dalam memulihkan masyarakat daripada pelbagai penyakit negatif dan masalah sosial (Noriza Saleh et.al, 2020). Ini menunjukkan bahawa menghayati 3 prinsip agama iaitu iman, Islam dan ihsan merupakan asas yang perlu diutamakan dalam diri setiap muslim agar menjadi benteng dalam mengharungi cabaran kehidupan pada era kontemporari ini. Namun begitu persoalannya, amalan beragama yang bagaimanakah yang mampu mencorakkan diri setiap individu muslim?

Di dalam Islam, elemen batiniah yang tercela membawa kepada gangguan kejiwaan yang ditonjolkan dalam bentuk marah, sedih, cemas, pilu, resah, gelisah hati, jiwa tidak

tenteram dan berasa tiada daya untuk mengatasi persoalan hidup. Gejala ini bukan sahaja memberi kesan kepada jiwa dan psikologi, malah turut memberi impak buruk kepada kesihatan jasmani, mental dan tubuh badan (Sharifah Basirah & Che Zarrina, 2015). Bahkan, dalam perspektif perubatan, beberapa kajian yang dijalankan mendapati nilai keagamaan dapat meningkatkan kesejahteraan dan kepuatan pesakit terhadap rawatan yang diterima (Mitchell & Romans, 2003; Marcotte et al., 2003). Oleh itu, aspek kesihatan mental memerlukan masyarakat mempunyai kemahiran daya tahan dan jati diri yang kukuh bagi melahirkan individu yang seimbang dari aspek dalaman dan luaran (Abdul Rasyid et.al 2020). Keperluan elemen agama sebagai intervensi juga telah diperakui oleh badan profesional seperti American Psychological Association (APA) dan America Counseling Association yang mengiktiraf bahawa agama merupakan satu elemen yang memberikan sumbangan kepada perkembangan dan kefungsian manusia (Abdul Rasyid et.al. 2020). APA telah meletakkan amalan beragama pada bahagian ke-36 sebagai salah satu daripada beberapa bahagian psikologi yang diiktiraf (APA, 2011).

Hakikatnya, permasalahan ini telah lama dibincangkan oleh para ulamak dengan menggelarkan sebagai zaman kesyahwanan, kerosakan dan kebendaan yang mesti dibanteras dengan alternatif pentarbiahan tasawuf (Said Hawwa, 1999). Ini kerana syahwat tidak akan dapat dibanteras dengan nasihat atau kata-kata sahaja, tetapi ia mesti dibanteras dengan penampilan sikap, persekitaran yang baik dan pentarbiahan. Manakala kecintaan kepada kebendaan tidak akan dapat dipadamkan dengan kata-kata sahaja tetapi hendaklah dipadamkan dengan perasaan dan kemanisan iman. Penderhakaan dan pelampauan tidak dapat diubati hanya dengan kata-kata tetapi ia dapat diubati dengan merendahkan diri kepada Allah^ﷻ, ketaqwaan, kewara'an dan

adab. Inilah jalan amali (praktikal) iaitu tasawuf (Muhammad Abu Zayd, t.t).

Di Malaysia pembelajaran berkaitan prinsip iman, Islam dan ihsan iaitu perincian konsep ilmu fardu ain dan fardu kifayah serta amalannya banyak dibincangkan dalam penyusunan kurikulum pendidikan Islam pada peringkat sekolah rendah dan menengah (Nugraha Mukhlis, 2017). Ini bermakna, ilmu fardu ain di dalam silibus pendidikan Islam peringkat rendah dan menengah telah diajar bermula dari peringkat kanak-kanak. Adalah menjadi keperluan agar turut dijadikan sebagai silibus pembelajaran pada peringkat institusi pengajian tinggi (Siti Masruroh, Nurwadjah Ahmad EQ & Andewi Suhartini, 2021). Banyak kajian yang menekankan agar insititusi pendidikan tinggi dan sekolah mengaplikasikan tiga prinsip agama iman, Islam dan ihsan di dalam sistem pembelajaran dan silibus pengajaran bagi melahirkan generasi berakhhlak mulia dan mampu membangunkan masyarakat dan negara secara seimbang antara fizikal dan spiritualnya (Siti Masruroh et.al, 2021; Shohana Hussin, 2020 & Muslihah Mazlan et.al. 2016). Ini kerana tonggak utama dalam pembentukan ummah wassatiyyah sentiasa dikaitkan dengan tiga elemen penting, iaitu Islam, Iman dan Ihsan iaitu dengan menghayati keindahan dan ketelusan ajarannya (Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Nurul Aarifah. 2018).

Penghayatan Islam bermula dengan penghayatan ilmu fardu ain (Mohd Huzairi Awang@Husain, 2017) yang terkandung dalam tiga prinsip agama iman, Islam dan ihsan (Shohana Hussin, 2020). Penghayatan ilmu fardu ain memerlukan setiap muslim memahami, menghayati dan melaksanakan perkara-perkara asas akidah, ibadah dan akhlak yang terkandung dalam ilmu akidah, fiqh dan tasawuf. Kegagalan menghayati tiga prinsip agama ini akan merosakkan nilai keagamaan individu tersebut (al-Ghummārī, t.t.). Kajian

semasa mendapati penghayatan kepada ilmu fardu ain masih kurang diberi penekanan (Awang Drahman , 2017). Realiti keberagamaan masyarakat Islam kini berada pada tahap rendah atas pelbagai faktor antaranya adalah kurang kefahaman agama, terpengaruh dengan budaya barat dan merasakan kehidupan beragama hanya bagi mereka yang berusia tua (Sazali, 2016). Nilai-nilai keagamaan yang semakin rendah serta berlakunya konflik dalam institusi keluarga mampu menyumbang kepada wujudnya penyakit sosial masa kini (Sapora Sipon, & Amin Hassan. 2015).

Menjadi satu keperluan agar ilmu agama yang dipelajari di sekolah terus diperkuuhkan selepas seseorang mencebur alam pekerjaan (Norsaleha, 2015; Azma Mahmood. 2006). Proses penambahan ilmu agama perlu berterusan bagi tujuan pengukuhan (Norfaizah binti Omar dan Norsaleha binti Mohd Salleh , 2021) dan antara proses pengukuhan adalah melalui tilawah al-Quran yang berterusan, memahami tafsir al-Quran, memahami hadith-hadith Nabi SAW beserta dengan makna dan maksudnya, melaksanakan amal ibadat, menghadiri kelas pengajian (Yufiza Yusof et.al, 2016) dan kuliah agama dan bergaul dengan kawan-kawan yang soleh (Norsaleha, 2015). Contohnya penghayatan ilmu berkaitan akidah mestilah melalui proses pengukuhan kerana akidah yang dihayati tanpa bukti dan hujah tidak bertahan lama sekiranya tidak disertai dengan pengukuhan (Al-Ghazali, 1971) walaupun seseorang itu pernah mendapat mempelajari Pendidikan Islam di sekolah (Norsaleha, 2015). Begitu juga ilmu untuk melaksanakan solat, puasa, zakat dan haji perlu dihayati dari sudut ilmu tasawufnya. Hakikat kepentingan ilmu tasawuf di dalam prinsip dan konsep ilmu fardu ain adalah kesepaduan di antara aspek-aspek akidah dan syariah mampu menatijahkan penghayatan akhlak yang sunniyyah (Jahid Sidek, 2017). Ini kerana konsep pembangunan rohani berasaskan pendekatan tasawuf mampu menjadi salah satu alternatif dalam usaha membangunkan manusia masa kini

(Safiah Abd Razak et.al, 2018). Kaedah pengikisan sifat mazmumah, penerapan sifat mahmudah, berakhhlak dan mempunyai hubungan yang baik sesama makhluk dapat membentuk insan sejati yang direndai Allah dan seterusnya mampu memberikan kesejahteraan dan keharmoniaan dalam kehidupan manusia sejagat (Safiah Abd Razak et. al, 2018). Hasil pengukuhan ilmu agama ini akan melahirkan tindak balas melalui amalan dan penghayatan seseorang terhadap suruhan dan larangan Allah SWT seperti pembentukan disiplin diri (Muslihah Mazlan et.al, 2016). Ini jelas menunjukkan tiga prinsip agama perlu dihayati dengan sebaiknya oleh setiap mukallaf secara berterusan sesuai dengan perkembangan usia dan keperluan kehidupan seseorang.

Metodologi

Artikel ini menggunakan metod dokumentasi dengan mengumpulkan dan menganalisis data-data serta kupasan ulama muktabar daripada bidang fiqh, akidah, tafsir al-Quran dan tasawuf. Perbincangannya adalah berkaitan dengan nilai tiga prinsip asas agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan sebagai asas fardu ain yang menjadi kewajipan kepada setiap mukallaf untuk dipelajari, difahami, dihayati serta diamalkan. Kajian turut membincangkan 10 ciri amalan beragama di dalam Surah al-Ahzab ayat 35 sebagai ciri amalan beragama yang perlu diikuti oleh setiap individu muslim dalam mengharungi kehidupan seharian.

Ulasan Literatur

Cabaran kontemporari masyarakat kini antaranya adalah berkaitan kurangnya kefahaman agama serta pengamalannya dalam kehidupan seharian yang mengakibatkan pelbagai krisis seperti masalah kejiwaan dan

tekanan perasaan yang melampau. Walaupun pendidikan yang tersedia di peringkat awal persekolahan telah dilaksanakan, namun penekanan kepada penghayatan nilai agama berasas prinsip iman, Islam dan ihsan masih kurang. Menjadi tanggungjawab setiap individu muslim untuk berusaha mendalami ilmu fardu ain secara berterusan kerana sifat ilmu ini sentiasa berkembang berdasarkan perkembangan usia setiap individu. Kajian ini menumpukan perbincangan asas agama, 10 ciri amalan beragama yang perlu diikuti dan elemen-elemen yang perlu dihayati dengan sebaiknya di dalam amalan beragama seharian.

Dalam mempersiapkan diri mengharungi kehidupan, Islam telah menganjurkan agar mempelajari berkaitan ilmu fardu ain berdasarkan tiga prinsip agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Bermula dengan mempelajari dan memahami asas fardu ain kerana ilmu ini tidak hanya perlu dipelajari peringkat kanak-kanak sahaja, namun ia berkembang mengikut perkembangan seseorang dalam kehidupan. Kefahaman ilmu sejak di awal usia kehidupan mampu dihayati dan diamalkan secara konsisten apabila ilmu fardu ini terus dipelajari secara terpandu dengan merujuk pihak yang sewajarnya. Ini bermaksud, semakin lama seseorang mukallaf itu hidup dan juga semakin meningkat kemampuan daya akal dan spiritualnya, maka semakin bertambahlah ruang lingkup urusan-urusan fardu ainnya, sama ada berkaitan dengan kepercayaan (I'tikad) iaitu berpegang kepada akidah Islam, perbuatan (fi'l) iaitu mengamalkan segala suruhan agama dan menjauhi segala larangan agama, dari sudut amalan dalam mempelajarinya dan juga kandungan yang terdapat dalam ilmu ini. Perincian ilmu fardu ‘ain berkenaan amalan adalah berbeza kerana berbezanya keadaan dan kedudukan seseorang. Apa yang dituntut oleh keperluan hidup seseorang menjadi sebab-sebab kepada wajibnya ilmu tertentu kepada orang tersebut;

begitu juga dalam hal sesebuah masyarakat (al-Zabidī, 1989).

Agama Islam tertegak dengan 3 prinsip utama yang dimaklumi sebagai iman (akidah), Islam (syariah) dan Ihsan (Tasawuf) berdasarkan hadith Jibril yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ: بَيْتُمَا لَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ
ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ ظَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الشَّيَابِ شَدِيدُ سَوادِ الشَّعْرِ لَا
يُرَى عَلَيْهِ أَثْرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَ أَحَدٍ حَتَّى جَلَسَ إِلَى الْمَبِي ﷺ فَأَسْنَدَ
رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَيْهِ عَلَى فَخِذَيْهِ وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ
الإِسْلَامِ • فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ الْإِسْلَامَ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ
مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ • وَتَقْيِيمَ الصَّلَاةِ • وَتَؤْتِي الزَّكَةِ • وَتَصُومَ رَمَضَانَ •
وَتَحْجُجَ الْبَيْتِ إِنِّي اسْتَطَعْتُ إِلَيْهِ سَيِّلًا • قَالَ: صَدَقْتَ فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ
وَيُصَدِّقُهُ • قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الإِيمَانِ • قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللهِ •
وَمَلَائِكَتِهِ • وَكُتبِهِ • وَرُسُلِهِ • وَالْيَوْمِ الْآخِرِ • وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ حَيْرِهِ
وَشَرِّهِ • قَالَ: صَدَقْتَ • قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الإِحْسَانِ • قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللهَ
كَائِنَكَ تَرَاهُ • فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ ... الْخَ

Diriwayatkan daripada Saidina Umar RA, beliau berkata,

“Pada suatu hari kami duduk bersama Rasulullah ﷺ. Lalu muncul di hadapan kami seorang yang berpakaian serba putih. Rambutnya sangat hitam dan tidak nampak padanya kesan-kesan musafir. Tidak seorangpun dalam kalangan kami yang mengenalinya hingga dia duduk mengadap

Rasulullah ﷺ. Lalu dia menyandarkan kedua-dua lututnya kepada kedua-dua lutut Rasulullah ﷺ dan kedua-dua tapak tangannya diletakkan di atas peha Rasulullah ﷺ seraya berkata, "Wahai Muhammad, beritahu aku tentang Islam."

Lalu Rasulullah ﷺ menjawab, "Islam itu ialah engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah ﷺ, dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ ialah pesuruh Allah ﷺ, engkau mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji di Baitullah sekiranya mampu sampai kepadanya." Lalu lelaki itu berkata, "Benar."

Kami hairan dengannya yang bertanya, lalu membenarkan jawapannya." Kemudian dia bertanya lagi, "Beritahu aku tentang Iman." Lalu Rasulullah ﷺ menjawab, "(Iman itu ialah) engkau beriman kepada Allah ﷺ, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, serta hari Akhirat dan engkau beriman kepada takdir (yang ditentukan oleh Allah ﷺ) baik dan buruknya." Lalu lelaki itu berkata, "Benar." Kemudian dia bertanya lagi, "Beritahu aku tentang Ihsan." Lalu Rasulullah ﷺ menjawab, "(Ihsan itu ialah) bahawa engkau menyembah-Nya seolah-olah engkau melihat-Nya. Namun jika engkau tidak merasakan melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau." (Sahih Muslim; Hadis No 93).

Hadis ini membicarakan kesempurnaan agama Islam dengan menyebutkan tiga komponen yang menjadi asas utama agama. Prinsip ini mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia yang terkandung di dalamnya ibadah yang menjadi tujuan hidup manusia. Tiga prinsip agama iaitu iman, Islam dan ihsan yang menjadi kewajipan fardu ain untuk dipelajari, difahami dan dilaksanakan. Jika ditinggalkan salah satu daripada tiga prinsip ini, ia kan mengurangkan atau

mencacatkan sifat keberagamaannya (al-Ghumari, t.t). Ini juga turut dijelaskan oleh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf berkaitan hukum-hukum yang terdapat dalam al Quran yang terbahagi kepada tiga iaitu hukum-hukum *i’tiqādiyyah* (keimanan), hukum-hukum *khulūqiyyah* (akhhlak), dan hukum-hukum *‘amāliyyah* (‘Abd al-Wahhāb Khallāf, 1978).

Iman adalah cahaya dan akidah, Islam adalah ketaatan dan ibadah manakala Ihsan adalah merasakan pengawasan dan penyaksian Allah SWT atas segala perbuatan, tingkahlaku dan detikan hati. Berikut adalah kupasan ringkas berkaitan tiga prinsip agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan.

Prinsip Agama: Iman

Iman merupakan pegangan dan keyakinan dan memahaminya adalah dengan mempelajari ilmu akidah. Perkataan 'akidah' dari segi bahasa bermaksud 'simpulan atau ikatan yang kuat dan teguh. Dari segi istilah didefinisikan sebagai "pembenaran dalam hati terhadap sesuatu yang turut dipercayainya secara pasti (putus) tanpa perasaan syak atau ragu sedikitpun." Ibn Faris (1971), merujuk akidah dengan maksud kepercayaan yang kuat dan kukuh. Manakala dari segi istilah, Abu Bakr Jabir al-Jaza’iri (t.t), mendefinisikan akidah sebagai gugusan pernyataan benar yang dapat diterima secara mudah oleh akal manusia berdasarkan sumber wahyu. Secara fitrahnya, ia mudah diterima oleh manusia jika hati sanubari mereka mudah untuk menetapkan secara pasti tanpa sebarang syak dan keraguan tentang kewujudan dan kesahihan apa yang dipercayainya.

Asas utama agama itu adalah dengan mengenal Allah, Tuhan Yang Maha Esa Yang Memiliki Sifat-Sifat Yang Maha Sempurna, yang juga terkenal dengan nama ilmu *al-tauhīd* (al-Zabidi, 1989). Daripada ilmu mengenal Allah SWT inilah

bercabang menjadi rukun-rukun Iman yang lain. Ruang lingkup dan kandungan ilmu *al-tauhīd* yang wajib dituntut itu berkembang, selari dengan bertambahnya kedewasaan dan tanggungjawab seseorang Islam, sesuai dengan daya-upaya dan kemampuan akalnya. Ini penting dalam menghindarkan sebarang getaran keraguan hati sama ada akibat pembawaan diri ataupun pengaruh masyarakat dalam bentuk kemungkaran akidah yang direka-reka.

Dapat difahami bahawa akidah merupakan asas dan teras serta pokok pegangan seseorang manusia dalam beragama serta menjadi syarat kesahihan seluruh amal. Setiap muslim perlu meyakini dan beriman kepada Allah dan keseluruhan yang datang daripada Allah sebagaimana di dalam al-Quran mengikut kehendak Allah^ﷻ. Dan juga meyakini dan beriman dengan Rasulullah^ﷺ dan segala yang datang daripada Rasulullah^ﷺ sebagaimana di dalam Sunnah menurut kehendak Baginda^ﷺ (Ahmad Ibn Idris, 2018). Perkara ini adalah mencukupi dan tidak perlu kepada perincian dan kupasan yang begitu mendalam. Ini bersesuaian dengan kemampuan masyarakat awam untuk memahami hakikat ketuhanan dan kenabian sebagaimana yang telah disyariatkan.

Bemula dengan memahami dan menghayati tuntutan rukun iman merupakan asas utama keimanan seseorang mukallaf dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah. Mempelajari enam perkara di dalam rukun iman ini tidak mencukupi pada peringkat sekolah rendah atau menengah sahaja, bahkan perlu berterusan untuk mengenal Pencipta sehingga timbul rasaan kasih dan rindu untuk bertemu dengan-Nya. Begitu juga mempelajari berkaitan Baginda SAW sebagai pintu untuk mengenali Allah SWT.

Prinsip Agama: Islam

Memahami Islam adalah dengan ilmu Syariah (Madkhur, 1955) iaitu ketetapan hukum-hukum oleh Allah SWT yang merangkumi seluruh kehidupan manusia seperti kehidupan, kepercayaan, perbuatan ataupun tatusila supaya mereka menjadi orang yang beriman dan beramal soleh. Himpunan undang-undang ini wajib dilaksanakan bagi mencapai objektif pemberian (maqāṣid Islāhiyyah) dalam masyarakat. Ibadah dari segi bahasa ialah *al ḫaṭā’ah* iaitu taat (Ibn Manzur, 1994) dan amal yang disukai Allah (al Marbawi, 1990) sama ada perkataan atau perbuatan, zahir dan batin (al-Ghazali, 1971). Ia turut diertikan sebagai pengabdian diri kepada Allah SWT. Di samping itu, ibadah juga boleh difahami sebagai suatu perbuatan yang dilakukan sebagai usaha menghubungkan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT sebagai tuhan yang disembah (Abdul Aziz, 1996). Ibadah merupakan amalan beragama yang perlu dilaksanakan oleh seorang muslim bagi membuktikan ketaatan kepada Penciptanya, malah tujuan penciptaan manusia di muka bumi adalah untuk mengabdi kepada Allah SWT. (Surah Al-Zariyat, 56).

Semua perbuatan, amalan serta kegiatan dalam ibadah itu terbahagi kepada lima bentuk iaitu *ibadah qawliyyah* (ibadah yang berbentuk perucapan seperti membaca al-Quran, berzikir dan berdoa.), *jismiyyah* (ibadah yang melibatkan aktiviti fizikal sahaja seperti berpuasa dan menolong orang melakukan kebaikan), *māliyyah* (ibadah yang melibatkan harta seperti mengeluarkan zakat, infak dan bersedekah.), *qawliyyah jismiyyah* (ibadah gabungan antara kata-kata iaitu bacaan dengan gerakan badan seperti ibadah solat) dan *qawliyyah*, *jismiyyah wa māliyyah* (menggabungkan tiga bentuk pelaksanaan yang terdiri dari

bacaan, gerakan anggota badan dan harta iaitu ibadah haji dan umrah).

Ruang lingkup ibadah adalah bersifat menyeluruh dan amat luas sehingga mencapai semua pergerakan dan perbuatan manusia yang merangkumi urusan kehidupan seluruhnya. Oleh itu, pentingnya penguasaan ilmu pengetahuan dalam memastikan amal ibadat mendapat taraf amal soleh di sisi Allah ^{SWT} (Mahmud, 1982). Melaksanakan dengan sebaiknya rukun Islam dengan penghayatan merupakan asas pelaksanaan kefarduan amalan beragama yang menjadi tuntutan perintah syariat ke atas setiap mukallaf di samping menjauhi segala perintah larangan-Nya.

Prinsip Agama: Ihsan

Hakikat ihsan (al-Nabulsi, 1986) lebih tinggi martabatnya daripada iman kerana ia memperbaiki iman iaitu mengukuhkannya. Ihsan juga salah satu sifat daripada segala sifat iman dan satu tingkatan kedudukan daripada tingkatan iman. Ini kerana beriman dan meyakini Allah ^{SWT} di sertai dengan rasaan bahawa Allah ^{SWT} melihat dan hadir di dalam diri, pergerakan dan perbuatan pada setiap masa dan ketika merupakan ihsan (al-Nabulsi, 1986). Keadaan ini akan melahirkan muslim yang berakhhlak mulia sebagai cerminan kepada iman dan amal ibadah yang dilakukannya. Nabi ^ﷺ dan para sahabat berjaya menyebarkan ajaran Islam dengan akhlak yang mulia. Menurut al-Nabulsi (1986) terdapat tiga syarat untuk merperolehi martabat ihsan iaitu, pertama; pegangan akidah bertepatan dan sepenuhnya berdasarkan al Quran dan Sunnah. Kedua; amal ibadat yang dilakukan benar-benar berlandaskan perintah syariat Allah ^{SWT} dan suci daripada perkara yang bertentangan dengannya. Ketiga; segala tutur kata dan perkataan terpelihara daripada perkara yang melalaikan dan tidak berfaedah.

Bagi memperolehi ihsan adalah dengan mendalami ilmu tasawuf. Ini kerana tasawuf adalah satu ilmu yang membersihkan hati dari bergantung kepada makhluk di samping mendorong diri sentiasa dalam kehambaan, keluar dari sifat kemanusian dan menenggelamkan hati dengan mengingati Allah ^{SWT}, sehingga keadaan diri menjadi fana dengan Allah ^{SWT}.(Zaqzuq, 2012) Tasawuf juga adalah ilmu yang bukan dipelajari dengan percakapan atau kajian, akan tetapi melalui rasaan seperti dengan berlapar, tinggalkan dunia, tinggalkan segala adat kebiasaan dan kelaziman dan perkara yang baik disisi akal (al Nabulsi, 1986). Ini dapat difahami bahawa tasawuf adalah ilmu untuk memproses nafsu dan jiwa dari segala kegelapan untuk menjadi jiwa yang sempurna (Mohd Shahran, 2016).

Berdasarkan perbincangan tiga prinsip agama di atas, dapat disimpulkan bahawa Iman sebagai asas yang ada pada jiwa seseorang hasil daripada kesepaduan antara ilmu dan keyakinan, kewujudannya berupa tindakan *zahiriah* disebut Islam. Paduan antara iman dan Islam pada diri seseorang muslim akan melahirkan peribadi dalam bentuk *akhlak al-karīmah* atau disebut ihsan. Bagi mencapai kedudukan ihsan, perlu mendalami ilmu tasawuf, manakala bagi mempraktikkan hakikat tasawuf tersebut perlu kepada sebuah intitusi yang dinamakan tarekat.

Oleh itu, amalan beragama yang wajib dilaksanakan oleh setiap mukallaf adalah amalan fardu ain yang mengandungi tiga prinsip agama iaitu iman, Islam dan Ihsan. Setiap mukallaf wajib mempunyai ilmu berkaitan dengan perbuatan yang wajib dilaksanakan. Tuntutan ini hakikatnya berkembang mengikut masa, semakin lama seseorang mukallaf itu hidup, semakin berkembanglah ruang lingkup urusan-urusan fardu ainnya yang memerlukan ilmu yang berkaitan (al-Zabidi, 1989). Ini bermaksud semakin lama seseorang mukallaf itu hidup, semakin berkembanglah

urusan-urusannya yang wajib, dari wudu', sembahyang lima waktu hingga puasa ramadan, dari zakat hingga ke haji, iaitu apa yang dinamakan rukun Islam (al-Zabidi, 1989). Ini termasuklah ilmu mengenai perkara yang halal berkenaan makanan, minuman, pakaian, pergaulan dan perhubungan sesama manusia dan lain-lain perkara yang tidak dapat dihindari dalam kehidupan biasa (al-Zabidi, 1989).

Perincian ilmu fardu ain berkenaan amalan ini berbeza mengikut keadaan dan kedudukan seseorang. Apa yang dituntut oleh keperluan hidup seseorang menjadi sebab-sebab kepada wajibnya ilmu tertentu kepada orang tersebut; begitu juga dalam hal sesebuah masyarakat (al-Zabidi, 1989). Selain itu, bagi seseiapa yang berhasrat melaksanakan sesuatu perkara, maka wajib dipelajari ilmu tersebut dan menjadi fardu ain ke atas individu tersebut (al-Zabidi, 1989). Contohnya, seseorang itu perlu mempelajari hukum-hakam pertunangan, pernikahan, melayani pasangan, beranak-pinak dan sebagainya kerana berhasrat untuk berumah tangga (al-Zabidi, 1989).

Perkara yang wajib ditinggalkan juga merupakan ilmu fardu ain yang wajib dipelajari. Ilmu mengenai perbuatan yang wajib dihindarkan tidaklah beku terbatas pada intisari dasarnya sahaja seperti yang diajar pada tahap kehidupan kanak-kanak. Sebaliknya, ruang lingkup dan kandungan ilmu mengenai perbuatan yang wajib ditinggalkan itu juga berkembang menurut keadaan seseorang yang berbeza-beza antara satu sama lain. Sebagai contohnya, ada perkara yang wajib ditinggalkan oleh orang yang mempunyai deria lisan dan pendengaran, yang tidak relevan dengan seseorang yang bisu atau buta. Apa yang terlepas daripada seseorang mukallaf, tidaklah diwajibkan dia mempelajarinya; sementara apa-apa tugas atau kefarduan yang seseorang mukallaf tidak terlepas darinya, wajiblah dia menuntut

ilmunya. Prinsip yang serupa terpakai mengenai ilmu mengenai sesuatu yang haram dibuat berkenaan makanan, minuman, pakaian, hubungan lelaki perempuan dan lain-lain perkara yang tidak dapat dihindari dalam kehidupan biasa berkenaan dasar-dasar tegahan dan larangan Tuhan (al-Zabidi, 1989).

Oleh yang demikian, mempelajari dan menghayati asas ilmu fardu ain tidak hanya perlu dipelajari peringkat kanak-kanak sahaja, bahkan terus berkembang mengikut perkembangan kehidupan setiap individu (al-Zabidi, 1989). Istilah fardu memiliki makna yang sama dengan ‘wājib’ iaitu perbuatan yang dituntut secara tegas oleh syarak kepada mukallaf untuk diamalkan (Al-Bāqillānī, 1971). Fardu ain dari sudut bahasa (Quṭb Muḥammad Sanū, 2000) bermaksud kewajiban individu (individual duty), sedangkan secara istilah ia bermaksud sesuatu amalan yang dituntut secara tegas oleh syarak ke atas setiap mukallaf, sama ada berdasarkan dalil qat‘ī mahupun ẓannī, yang mana pengamalannya mendapat pahala dan pengabaian tanpa uzur syar‘ī mendapat dosa. Kata fardu yang berasal dari kata ‘fard’ dalam bahasa Arab, secara bahasa (al-Tahānawī, t.t.) bermaksud ukuran (al-taqdīr) dan juga putus (al-qat‘).

Menurut Al Ghazali (al-Ghazali, 1971), fardu ain merupakan ilmu tentang tatacara amal perbuatan yang wajib. Oleh itu, barang siapa yang telah mengetahui ilmu yang wajib berserta waktu wajibnya, bererti dia telah mengetahui ilmu fardu ain tersebut. Al Ghazālī menegaskan bahawa terdapat tiga bahagian (Quṭb Muḥammad Sanū, 2000) asas ilmu fardu ain, iaitu kepercayaan (*i’tiqād*) iaitu berpegang kepada akidah Islam, perbuatan (*fi’l*) iaitu mengamalkan segala suruhan agama dan meninggalkan (*tark*) iaitu menjauhi segala larangan agama. Bermula dengan mempercayai rukun-rukun Iman dan Islam, melakukan segala suruhan dan tuntutan agama dan meninggalkan segala yang ditegah oleh

syarak, merupakan asas fardu ain. Justeru asas utama agama itu adalah dengan mengenal Allah, Tuhan Yang Maha Esa Yang Memiliki Sifat-Sifat Yang Maha Sempurna. Jika diteliti, ilmu mengenal Allah itulah yang kemudiannya bercabang menjadi rukun-rukun Iman yang lain (Al-Asqalani, 1999; Mohd Zaidi Ismail, 2009) yang juga terkenal dengan nama ilmu al tauhīd (al-Zabidi, 1989).

Kupasan takrifan konsep fardu ini juga selaras dan hampir sama dengan takrifan di sisi Imam Al-Nawawi (al-Nawawi, 2002) dan Imam Al-Zarnuji (al-Zanurji, 2007). Al-Zarnūjī telah membahagikan ilmu kepada ilmu ḥāl (fardu ain) dan fardu kifayah. Definisi al-Zarnūjī ini hampir sama dengan apa yang telah dirumuskan oleh al-Ghazālī mengenai ilmu fardu ain iaitu ilmu yang wajib dituntut beserta dengan waktu wajibnya. Sebagai contoh dari ilmu ḥāl ini ialah ilmu tentang solat, puasa, zakat, haji bagi yang berkemampuan serta ilmu berkaitan jual-beli bagi seorang peniaga. Selain itu, termasuk juga ke dalam ilmu ḥāl adalah ilmu yang berkaitan dengan perihal hati, seperti tawakal, taubat, sifat rasa takut (khashyah), reda; dan perihal akhlak yang terpuji dan tercela, seperti dermawan (jūd), bakhil, ketakutan (jubn), keberanian (jur'ah), takabur, tawadu', menahan diri dari perbuatan maksiat ('iffah) dan sebagainya. Ilmu ini diwajibkan kerana sifat atau akhlak tersebut berlaku pada setiap keadaan (ahwāl) dan setiap individu tidak boleh menghindari daripada sifat tersebut.

Menurut al-Nawawī maksud fardu ain ialah mengajari mukallaf dengan suatu kewajiban yang telah diwajibkan kepadanya tetapi kewajiban tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan melaksanakan tata cara kewajiban tersebut. Selaras dengan takrifan al-Ghazālī, al-Nawāwī juga menegaskan bahawa ilmu fardu ain adalah ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu apabila tiba saat dia wajib mempelajarinya (al-Nawawi, 2002). Contoh ilmu fardu ain

menurut al-Nawāwī ialah yang berkaitan dengan rukun Islam, asas aqidah Islam, perihal hati dan mengetahui apa-apa yang dihalalkan dan yang diharamkan dari makanan, minuman, pakaian dan lain-lainnya (al-Nawawi, 2002).

Dengan menghayati nilai iman, Islam dan ihsan mampu membawa manusia ke arah pemahaman dan penerimaan dengan penuh keyakinan terhadap kitab Allah ^{SWT} dan Sunnah Rasulullah ^ﷺ, kewujudan mahsyar, kitab amalan, hisab, mizan, sirat, syurga dan neraka. Penghayatan dan pengamalan segala yang disyariatkan akan membentengi dan menghalangi mereka dari melakukan perkara-perkara yang menyalahi ajaran Islam. Ini merupakan suatu kelebihan yang cukup berharga bagi umat Islam sekiranya mereka memahami dan menerima dengan penuh keyakinan hakikat perkara-perkara tersebut. Selain itu juga akan dapat melahirkan seorang insan yang mengimani qada' dan qadar serta hari pembalasan. Keimanan dengan penuh penghayatan akan melahirkan rasa kebahagiaan, kegembiraan dan ketenangan di hati setiap manusia kerana mereka reda dengan apa saja yang menimpa mereka sama ada kesenangan maupun kesusahan dan mereka yakin serta percaya bahawa mereka akan mendapat balasan yang setimpal terhadap setiap perbuatan yang telah mereka lakukan semasa hidup di dunia (Ahmad Fa`iz, 1985).

Dapatan dan Perbincangan

Di dalam al-Quran pelbagai ciri-ciri yang telah diletakkan kepada golongan yang mematuhi syariat-Nya seperti *muslim*, *mukmin*, *muhsin* dan lainnya. Artikel ini membincangkan 10 ciri amalan beragama berdasarkan ayat 35, Surah al-Ahzab. Pemilihan ini dengan melihat dapatan kajian semasa yang meletakkan 10 ciri sebagai ciri amalan yang mampu membina jati diri wanita (Sharifah Norshah

Bani Syed. 2018) dan 10 cara penghayatan beragama (al-tadayyun) (Sharifah Hayaati Syed Ismail, 2017). Di samping kajian yang mendapati 10 ciri ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam menentukan indikator tujuan pendidikan Islam dalam melahirkan insan kamil (Budi Dadan, 2013). Oleh yang demikian berdasarkan kupasan tiga prinsip agama yang telah dibincangkan, maka ayat 35 Surah al Ahzab dipilih sebagai fokus 10 ciri amalan beragama yang sewajarnya diikuti dan dilaksanakan. Firman Allah ﷺ dalam Surah al-Ahzab, ayat 35:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ
وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّدِيقِينَ وَالصَّدِيقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ
وَالْخَشِعِينَ وَالْخَشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّابِرِينَ
وَالصَّابِرَاتِ وَالْحَفِظِينَ فُرُوجُهُمْ وَالْحَفِظَاتِ وَالدُّكَرِينَ اللَّهُ كَثِيرًا
وَالدُّكَرَاتِ أَعَدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ۝

Terjemahan: “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut

nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar”.

Menurut al-Nabulsi (2017) ayat ini Allah ﷺ telah meletakkan kedua lafaz bagi lelaki (muzakkir) dan wanita (muannas) dan menyifatkan kedua lafaz untuk memperkuatkan bahawa sesungguhnya perempuan seumpama lelaki secara sempurna sama ada pada taklif/ tanggungjawab atau pada kemuliaan. Sesungguhnya perempuan dipertanggungjawabkan dengan 10 ciri tersebut sama seperti lelaki secara sempurna. Ini juga telah ditegaskan oleh Allah pada ayat lain di dalam Surah al-Nahl, ayat 97 iaitu penjelasan pada kalimah *min zakarin au untha* supaya Allah ﷺ memperkuatkan bahawa perempuan seumpama lelaki dalam dipertanggungjawabkan dan kemuliaan (al-Nabulsi, 2017).

Terdapat tujuh nilai yang telah dikenalpasti berdasarkan 10 ciri amalan beragama sebagai panduan bagi melahirkan insan kamil iaitu nilai keimanan, nilai ketaatan, nilai kejujuran, nilai kesabaran, nilai tawadhu’, nilai sosial dan nilai ibadah (Budi Dadan, 2013). Oleh yang demikian 10 ciri ini perlu dihayati sebaiknya kerana terkandung di dalamnya ilmu fardu ain yang berasaskan kepada tiga prinsip utama agama (Sharifah Hayati, 2017) iaitu pertama; iman dengan mempelajari ilmu akidah, kedua; Islam dengan mempelajari ilmu fiqh dan ketiga; Ihsan dengan mempelajari ilmu tasawuf serta memahami dan menghayatinya menjadi satu kewajipan kerana kehidupan individu berbeza mengikut perkembangan usia.

Ayat ini menjelaskan tentang 10 jenis sifat yang sekiranya dipunyai oleh seorang hamba samada lelaki dan perempuan maka layaklah untuk ia mendapat pengampunan dosa daripada Allah serta pahala yang besar, iaitu suatu

kenikmatan yang berkekalan di akhirat. Dalam ayat ini, Allah s.w.t menyebut sepuluh(10) sifat yang boleh dicapai oleh lelaki dan wanita, Sejajar dengan itu, penulis membahagikan sepuluh sifat ini, kepada tiga(3) komponen yang menyempurnakan agama seseorang individu, iaitu komponen iman, komponen Islam dan komponen Ihsan seperti berikut:

Komponen Iman:

Firman Allah:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتَاتِ

Terjemahan: “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat,

Iman lebih tinggi satu kedudukan daripada Islam berdalilkan surah al-Hujurat ayat 14 dan merupakan pemberian dan penerimaan dalam melakukan ketaatan (Ibn Kathr, 1964). Akal dan hati membenar dan menerima serta menghadap kepada Allah dinamakan sebagai iman. Keimanan juga adalah merupakan asas bagi penerimaan amal ibadah dan indikator yang membezakan seseorang di sisi Allah ﷺ. Islam batin, yaitu membenarkan sepenuhnya dan tunduk kepada hukum-hukum yang difardukan oleh agama. Inilah yang disebut iman. (al-Maraghi, 2006). Islam ialah nama agama, sedangkan yang dimaksud dengan iman iaitu membenarkan dengan hati dan mengamalkan dengan anggota badan (al-Mawardi, 1992).

Menurut Imam al-Mawardi, Islam itu tidak hanya diucapkan dengan lidah saja, akan tetapi Islam juga merupakan nama agama, sedangkan yang dimaksud dengan Iman membenarkan dengan hati dan mengamalkan dengan anggota badan (al-Mawardi, 1992). Iman mesti diwujudkan dengan amal soleh. Tanpa amal soleh, iman akan kehilangan maknanya. Di dalam al-Qur'an disebutkan tentang orang-orang beriman selalunya diiringi dengan sifat orang-orang yang mengerjakan amal soleh menunjukkan hubungan yang erat antara iman dan amal soleh (surah al-Baqarah: 25, 82 & 277; Ali Imran: 57; al-Nisa': 57, 122 & 173; al-Maidah: 9, 93 dan banyak lagi). Memahami dan menghayati makna iman adalah melalui ilmu agama yang mantap mengikat diri dan tanggungan seperti ahli keluarga dengan dasar-dasar keimanan sejak usia kanak-kanak, melazimi dengan amalan yang terkandung dalam rukun Islam dengan memahami, dan mengajarkan kepada ahli keluarga dasar-dasar syariat sejak usia mumayyiz.

Islam adalah merupakan ketaatan terhadap perintah Allah[※]. Maka seorang muslim yang tunduk pada setiap hal ehwal kehidupannya, maka dia akan melakukan segala yang diperintahkan oleh Allah[※] serta menahan diri dari melakukan tegahan Allah[※]. Muslim itu dinamakan muslim melainkan dia mentaati Allah[※] dengan mematuhi suruhan dan tegahan. Ini dinamakan Islam (al Nabulsi, 2017). Menurut al-Maraghi Islam zahir, iaitu mematuhi hukum-hukum agama, baik dalam perkataan maupun perbuatan (al-Maraghi, 2006). Islam adalah mengucapkan dengan lidah, sedangkan yang dimaksud dengan iman membenarkan dengan hati (al-Mawardi, 1992).

Al-qunut artinya ketaatan yang mapan, seperti pengertian yang terdapat di dalam ayat lain melalui firman-Nya:

أَمْ مَنْ هُوَ قَانِتُ آتَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَخْدُرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ

Terjemahan: (Apakah kamu, hai orang musyrik, yang lebih beruntung) ataukah orang yang beribadah di waktu-waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedangkan ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya? (Surah al-Zumar: 9)

Bukti keimanan dan keislaman adalah dengan berterusan mentaati Allah ^{SWT} secara istiqamah serta ikhlas dalam mentaati-Nya. Iaitu sentiasa mengamalkan ibadat kepada Allah ^{SWT} dengan ikhlas dan khusyuk penuh ketenangan hati dan ketenteraman jiwa (surah al-Rum: 26). Hakikat penciptaan manusia adalah untuk beribadat kepada-Nya (Surah al-Zariyat: 56) iaitu mengenali Allah SWT (Ibn Kathir, 1964) melalui pelaksanaan ketaatan kepada segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Tiga ciri perlu dilaksanakan secara bersekali bermula keyakinan yang mantap kepada rukun iman, dibuktikan keyakinan ini dengan melaksanakan rukun Islam dengan penuh penghayatan kepada segala perintah tersebut.

Komponen Ihsan:

Firman Allah:

وَالصَّدِيقَنَ وَالصَّدِيقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالْخَشِعِينَ وَالْخَشِعَتِ

Terjemahan: dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah).

Bersifat benar (sidq) pada perkataan diikuti benar pada perbuatan itulah tanda iman, sebagaimana dusta adalah tanda kemunafikan (Ibn Kathir, 1964; al-Maraghi, 2006). Dalam hadis disebutkan:

“Bersikaplah benarlah kalian dalam berbicara dan beramal (siddiq), karena siddiq itu membimbing kepada kebajikan. Dan sesungguhnya kebajikan itu membimbing ke surga dan hindarilah oleh kalian dusta, karena dusta itu membimbing kepada kejahanatan. Dan sesungguhnya kejahanatan itu membimbing ke neraka (Malik bin Anas, t.t).

Apabila mengaku sebagai seorang mukmin, maka perbuatannya hendaklah menepati perintah daripada syariat Allah ^{SWT}. Jika tidak sama perbuatan berdasarkan perkataannya, maka berlakulah perdustaan pada perbuatannya (al-Nabulsi, 2017). Hendaklah bersifat benar (jujur) dalam bermuamalah (berurus) dengan Allah dan sesama makhluk-Nya. Dengan kejujuran Allah akan mengurniakan kebaikan yang banyak. (Ahmad Ibn Idris, 2020). Allah ^{SWT} memerintahkan supaya orang-orang mukmin sentiasa bertaqwa kepada Allah ^{SWT} dan bersama-sama dengan orang yang benar (surah al-Taubah: 119). Ini kerana sifat *sidq* atau benar merupakan sebaik-baik penolong di sisi Allah (Surah al-Nisa':87). Asas jalan menuju kepada Allah ialah sifat *sidq* dan mengetahui Allah menciptanya hanya untuk beribadat kepada-Nya. Para hamba perlu menfokuskan ibadahnya kepada Allah dengan penuh kejujuran terhadap-Nya. Firman Allah, Surah Muhammad: 21:

فَلَوْ صَدُّقُواْ اللَّهَ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ

Terjemahan: Maka kalauolah mereka bersifat benar (jujur) kepada Allah (dengan mematuhi perintah-Nya), tentulah yang demikian itu amat baik bagi mereka.

Melalui sifat benar dalam menuntut ilmu dan mengetahui tujuan dia diciptakan. Seseorang itu menghadap kepada Allah dengan sepenuh jiwa raganya, zahir dan batin. Sabda Nabi saw:

عليكم بالصدق، فان الصدق يهدى الى البر، والبر الى الحسنة، وما يزال
الرجل يصدق ويتحرى الصدق حتى يكتب عند الله صديقاز
واياكم الكذب، فان الكذب يهدى الى الفجور، والفجور يهدى الى
النار، وما يزال العبد يكذب ويتحرى الكذب حتى يكتب عند الله
كذابا

Terjemahan: Hendaklah kamu selalu bersifat benar, kerana sifat benar itu menunjukkan kepada kebaikan dan kebaikan membawa ke syurga. Seseorang yang sentiasa bersifat benar dan berusaha menuju kepada kebenaran, maka dicatat oleh Allah sebagai ‘siddiq’ (orang yang jujur). Dan hindari olehmunya dusta, kerana sesungguhnya dusta itu membawa ke neraka. Seseorang yang sentiasa berdusta dan menuju kepada pendustaan, maka dia dicatat oleh Allah sebagai ‘kazzab’ (pendusta atau pembohong). (Al Bukhari (6094), Muslim 2607), Abu Daud 4989 dan al Tirmizi (1917).

Sabar dibahagikan kepada dua, pertama: sabar atas yang diusahakan iaitu sabar menjalani perintah-Nya dan sabar dalam menjauhi larangan-Nya. Kedua: sabar di atas apa yang tidak diusahakan ialah dengan menahan diri dalam menjalani segala ketentuan-Nya yang menimbulkan kesusahan iaitu satu ujian dari Allah (Al-Qushayri, 1972). Seorang hamba hakikatnya adalah orang yang bermusafir pada setiap hembusan nafas dan detiknya. Bekalan musafirnya ialah mengikut segala perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Tidak sempurna musafirnya melainkan dengan kesabaran. Tanpa kesabaran, maka

dirinya akan berjalan menuju kepada kemurkaan Allah (Ahmad Ibn Idris , 2020).

Manakala sifat khusyuk ialah ketenangan, kelembutan dan ketundukan hati dan perilaku kepada Allah ﷺ kerana takutkan azab dan pemerhatian-Nya (al-Qurtubi, 2006) sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ:

اعْبُدِ اللَّهَ كَائِنَكَ تَرَاهُ، فَإِنْ مَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Terjemahan: Hendaklah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, jika kamu tidak mampu melihat Allah, maka yakinlah Allah melihatmu (Sunan al-Tirmizi, Hadis 2610).

Khusyuk merupakan perkara dasar yang harus diterapkan dalam melaksanakan ibadah seperti solat (Surah al-Mukminun: 2) dan juga pelbagai aktiviti harian. Di dalam al Quran terdapat 17 kali dalam bentuk kata yang berbeza dan kebanyakannya ditujukan kepada manusia serta sebahagian kecil digandingkan dengan benda seperti gunung dan bumi (Lia Mega Sari, 2018)

Secara umumnya makna khusyuk merujuk kepada merendahkan diri iaitu merasa bahwa dirinya tunduk dan merendahkan diri ketika berada di hadapan Tuhan. Khusyuk tempatnya di dalam hati, apabila hati khusyuk maka seluruh anggota tubuh akan khusyuk karena kekhusyukan hatinya. Kekhusyukan seseorang tidak dapat dinilai dari gerakan ataupun prilakunya, karena tempat khusyuk di hati bukan pada gerakan. Sifat khusyuk sering dikaitkan dengan ibadah solat kerana ibadah ini memiliki peranan yang besar dalam pembentukan nilai-nilai Islam serta berjaya dalam kehidupan bagi hamba yang sentiasa

melaksanakan solat (Surah al-Mukminun: 2; Subhan Nurdin, 2006).

Allah s.w.t juga telah memuji orang-orang yang khusyuk dalam beberapa ayat, dan menyifatkan orang-orang yang khusyuk sebagai orang yang mendapat *al-falah* (kejayaan di dunia dan akhirat). Dalam Surah al-Mukminun, ayat 1-7 Allah menyebut sifat-sifat orang mukmin yang *muflih* (berjaya), antaranya adalah mukmin yang khusyuk dalam solatnya.

Gabungan tiga ciri aitu benar, sabar dan khusyuk dalam kehidupan sehari-hari sama ada sebagai individu, ahli keluarga, pekerja dan anggota masyarakat mampu menghadapi apa juga cabaran yang dihadapi dengan tenang.

Komponen Islam:

Firman Allah:

وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُنَصَّدِقَاتِ وَالصَّمِيمِينَ وَالصَّمِيمَاتِ
وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ

Terjemahan: dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya.

Sifat bersedekah dan membelanjakan harta adalah merupakan amalan para sahabat di zaman Rasulullah ﷺ, mereka sentiasa berlumba-lumba untuk melakukannya kerana menyahut seruan Allah ﷺ (surah Ibrahim: 31). Orang-orang bersedekah ini membelanjakan harta kepada pihak di

bawah tanggungan dengan sebaiknya dan turut memberikan harta mereka kepada pihak lain yang memerlukan sebagai tanda ketaatan mereka kepada Allah ^{SWT} serta mengharapkan keredhaan-Nya.

Puasa itu merupakan suatu pertolongan yang sangat besar bagi mematahkan nafsu syahwat (al-Mawardi, 2006). Puasa juga merupakan wasilah terbaik untuk mendidik sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah. Seorang Muslim yang berpuasa kerana yakin dengan janji-janji Allah ^{SWT} kepada orang yang berpuasa, bukan hanya ikutan semata-mata akan menebitkan sifat amanah dalam diri kerana puasa dapat mendidik jiwa adanya muraqabah daripada Allah ^{SWT}, dan adanya muhasabah pada hari akhirat walaupun bersendirian tidak ada sesiapa yang mengawasinya. Perintah ibadah puasa telah dilaksanakan untuk orang yang beriman sebelum dan selepas utusan Rasulullah SAW (surah al-Baqarah: 183; al-Mawardi, 2006).

Ibadah puasa memiliki ganjaran yang tidak terbatas dan tertentu sebagaimana ibadah-ibadah lain. Ini disebabkan puasa adalah kesabaran jiwa untuk tidak melakukan apa yang menjadi kebiasaan dan mengekang anggota badan daripada segala kesukaannya. Sebab itulah orang-orang yang berpuasa dianggap tergolong dalam kalangan orang-orang yang sabar. Pengertian di atas sama maknanya dengan maksud hadis yang diriwayatkan daripada Nabi SAW yang berbunyi:

Terjemahan: “Sesungguhnya puasa itu adalah benteng. Maka jika engkau berpuasa maka hendaknya pendengaranmu, penglihatanmu, lisan dan tanganmu juga ikut berpuasa (Sahih al-Bukhari: hadis 52).

Abdul al-Qādir al-Jīlani yang menjelaskan bahawa puasa hakikatnya mampu menahan diri daripada perkara-perkara

haram dan maksiat. Menyucikan hati daripada sifat-sifat hati yang keji seperti sifat ‘ujub, takbur, bakhil dan sebagainya (al-Jilani, 2016). Sa‘īd Hāwwā menghuraikan syarat-syarat batin puasa bagi mencapai kesempurnaannya dengan lebih terperinci iaitu a) Menundukkan pandangan dan menahannya daripada berkeliaran memandang setiap hal yang tercela; b) Menjaga lisan daripada perbualan dusta, ghibah, celaan, kekejian, perkataan kasar, pertengkaran dan perdebatan. Lisan hendaklah digantikan dengan diam, menyibukkan dengan dzikrullah dan tilawah al-Qur'an; c) Menahan pendengaran daripada mendengarkan setiap hal yang dibenci kerana setiap yang diharamkan perkataannya diharamkan mendengarnya; d) Menahan berbagai anggota badan lainnya daripada pelbagai dosa (Said Hawwa: 2005)

Ibadah puasa dan sifat menjaga kehormatan sangat berhubungan rapat (Ibnu Kathir, 1964). Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah disebutkan:

«وَالصَّوْمُ زَكَاةُ الْبَدْنِ»

Terjemahan: Puasa itu adalah zakat badan.

Melalui ibadah puasa mampu menyucikan dan membersihkan diri seseorang dari pelbagai kotoran kehinaan sama ada yang bersifat naluriyah ataupun syariah (Ibn Kathir, 1964). Puasa juga merupakan sarana yang ampuh untuk membentengi nafsu berahi, sebagaimana yang disebutkan oleh sabda Rasulullah SAW:

«يَا مَعْشِرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَنَزُوْجْ، فَإِنَّهُ
أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْسَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ
فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ»

Terjemahan: Hai golongan para pemuda, barang siapa di antara kalian yang mampu menanggung belanja, hendaklah berkahwin, karena sesungguhnya dengan berkahwin menundukkan pandangan mata dan kemaluan lebih terpelihara. Dan barang siapa yang tidak mampu, hendaklah berpuasa, kerana sesungguhnya puasa itu merupakan benteng baginya.

Ayat disebutkan hal yang berkaitan dengannya, iaitu: *laki-laki dan perempuan yang memelihara kehormatannya*. (Al-Ahzab: 35) bermakna menjaga diri dari melakukan perkara-perkara yang dikeji dan haram yang mendatangkan dosa dan maksiat (Surah al-Mukminun: 5-7). Oleh itu memelihara kemaluan (kehormatan) sangat dianjurkan dalam agama Islam kerana termasuk menjaga kemaluan adalah menjaga diri dari perbuatan yang diharamkan (Ibn Kathir, 1964; al-Mawardi, 2006). Sebagaimana yang disebutkan dalam ayat lain melalui firman-Nya:

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ إِلَّا عَلَى أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا
مَلَكُوتُ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ فَمَنِ ابْتَغَ وَرَاءَ
ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ

Terjemahan: dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap istris-istris mereka atau budak yang mereka miliki; maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Barang siapa mencari yang di balik itu, maka mereka

itulah orang-orang yang melampaui batas. (Al-Mu-minun: 5-7).

Mereka menjaga kemaluan mereka dari melakukan dosa keji. Kalimah حافظ adalah dalam bentuk kata nama. Apabila ia di dalam bentuk kata nama, ia bermaksud mereka itu ‘sentiasa’ menjaga kemaluan mereka. Sifat ini ditekankan kerana dugaan untuk melakukan dosa seperti zina sentiasa berlaku untuk menguji kita dan kita kena sentiasa berjaga-jaga. Maka antara langkah berjaga-jaga adalah dengan menjaga pergaulan dan juga pakaian kita. Jangan pakai pakaian yang menjolok mata sampai dapat menarik perhatian orang lain terutama sekali yang berlawanan jantina.

Penutup kepada sembilan ciri adalah sifat sentiasa berzikir kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَاللَّهُ كَرِيمٌ اللَّهُ كَثِيرًا وَاللَّهُ كَرِيمٌ أَعَدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا
عَظِيمًا

Terjemahan: dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar”.

Zikir dari segi bahasa bermaksud sebut dan ingat. Dari sudut peristilahan tasawuf pula, zikir bermaksud terlepas daripada kelalaian dan kelupaan hati dengan sentiasa merasa hadir hati berserta Allah. Ia bermaksud ingatan dan kehadiran hati yang kuat lagi berterusan terhadap makna-makna ketuhanan Allah sehingga terbuang kelalaian daripada hati tersebut (al-Sakandari, 1961: 4).

Zikir adalah satu kekuatan spiritual Islam yang paling unggul. Tidak ada satu ibadah di dalam Islam yang terpisah daripada zikir (Ahmad Ibn Idris, t.t; Ahmad Baha Mokhtar et.al, 2014). Malah roh ibadah solat yang merupakan tiang agama adalah zikrullah (surah Taha: 14). Setiap ketaatan samada berbentuk suruhan dan tegahan syariat perlu dilaksanakan adalah semata-mata kerana Pencipta syariat dan ini merupakan zikir dan ingat kepada Allah (Ahmad Ibn Idris, t.t). Zikir mengingati Allah juga berlaku melalui penglihatan dengan mata hati keatas setiap ciptaan Allah dan juga melalui pendengaran jika kedua pancaindera mata dan telinga menjuruskan ingatan serta memikirkan kepada keagungan Allah melalui hati (surah al-A'raf: 179; Ahmad Ibn Idris, t.t.) melalui proses muhasabah diri dan *tafakkur*. Hakikatnya sifat lupa tidak dapat dipisahkan daripada seorang insan (Ahmad Baha Mokhtar et.al, 2014). Oleh yang demikian, manusia itu sangat memerlukan kepada zikir atau pengingat untuk mengimbangi sifat lupa yang menjadi salah satu sifat dalam diri manusia yang tidak dapat dipisahkan. Atas sebab itu, al-Quran dan juga kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah digelar sebagai al-zikr kerana antara fungsi kitab-kitab tersebut mengingatkan kembali kepada manusia fitrah kejadianya yang bertuhankan Allah di dalam alam arwah (Surah al-A`raf: 172).

Secara umumnya, terdapat tiga perkara utama yang telah dirumuskan daripada tafsiran ayat 35 Surah al-Ahzab ini. Pertama, Allah ^{SWT} telah menentukan sepuluh ciri gandingan yang menjadi ukuran bagi wanita dan lelaki Muslim mengikut keutamaan. Kedua, Allah ^{SWT} telah menentukan sepuluh ciri penting tersebut sebagai ukuran penghayatan beragama serta syarat untuk menjamin kebahagian dan kesejahteraan manusia. Ketiga, ciri-ciri tersebut menggabungkan tiga aspek utama dalam penghayatan beragama iaitu iman, Islam dan ihsan yang sekiranya dilaksanakan oleh lelaki dan perempuan maka mereka

mendapat ganjaran dan keampunan Allah ^{SWT}. Islam, iman dan taat adalah dalam kelompok aspek iman. Manakala benar, sabar dan merendah diri adalah dalam kelompok aspek ihsan. Seterusnya bersedekah, puasa dan menjaga kehormatan adalah termasuk dalam perlaksanaan syariat. Ayat ini disudahi dengan amalan pengukuhan kepada ketigatiga sendi Islam tersebut iaitu menyebut nama-Nya sebanyak-banyaknya dengan maksud beramal soleh kerana Allah ^{SWT}. Di akhir ayat pula Allah ^{SWT} menyatakan ganjaran yang akan diperolehi iaitu keampunan dan pahala yang besar.

Berdasarkan perbincangan berkaitan ayat 35 Surah al-Ahzab ini, 10 ciri amalan beragama ini mampu direalisasikan dalam kehidupan seharian melalui kefahaman dan penghayatan yang jitu serta mantap berkaitan ilmu fardu ain terlebih dahulu. Bagi memudahkan kefahaman berkaitan nilai tiga prinsip agama, dibincangkan contoh amalan fardu ain yang paling utama iaitu ibadat solat yang menggabungkan nilai iman, Islam dan ihsan ketika melaksanakan ibadah ini berdasarkan kupasan ulamak. Sebagaimana dimaklumi, solat merupakan ibadah yang pertama sekali diwajibkan Allah ^{SWT} terhadap makhluk-Nya dan menjadi amalan pertama yang dihisab di antara amalan-amalan manusia. Di dalam solat, tiga rukun utama yang perlu dilaksanakan iaitu niat (qalbi) yang memerlukan fokus kepada tujuan asas mendirikan solat, perkataan (qauli) dari sudut bacaan ayat suci al Quran dan zikir-zikir lainnya dan perbuatan (fi'li) merupakan pergerakan-pergerakan yang berjalan seiring dengan bacaan dalam solat. Semuanya sebagai tanda 'ubudiyyah yang dapat menjadi bukti keimanan serta mengikut sifat-sifat solat sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah ^ﷺ (Said Hawwa, 2001). Menyempurnakan adab zahir daripada ibadah solat yang menjadi titik tolak bermulanya kesempurnaan solat itu sendiri (Said Hawwa, 2005). Khusyuk merupakan ruh kepada solat dan kejayaan

bagi orang yang beriman dengan hadirnya hati, meneliti ayat-ayat al-Quran yang dibaca, kehadiran rasa mengagungkan Allah di dalamnya, mengharapkan reda dan pahala daripada Allah®, serta merasakan kelemahan dan kehinaan diri ketika berhadapan dengan Allah® di saat bersolat (al-Ghazali, 1971).

Inilah hasil ibadah solat apabila menghayati dengan sebaiknya nilai iman, Islam dan ihsan di dalam ibadah tersebut. Bermula daripada bersuci yang menekankan kepada persoalan kesucian lahir anggota badan dan tempat solat serta amat mengutamakan kesucian batin daripada dosa, nafsu dan kelalaian yang dilakukan sebelum memulakan solat dan di sinilah bermulanya mujahadah mereka (al-Ghazali, 1971). Pada setiap pergerakan melambangkan kehinaan dan kerendahan darjat hamba di hadapan Allah® serta merasakan kemuliaan-Nya. Setiap bacaan dalam solat pula dibaca dengan penuh takzim menjadi perlambangan rasa syukur dan `ubudiyah seseorang hamba kepada Allah (Said Hawwa, 2005) Solat yang penuh penghayatan berupaya melindungi diri manusia daripada kemungkaran serta sifat keji (Surah al-Ankabut: 45). Bahkan penghayatan yang sempurna dalam solat mampu merealisasikan makna iman di dalam hati dengan keupayaannya untuk mengingati Allah®, mengingati hari akhirat, mengingati rasul dan juga kitab-Nya. Ini semua akhirnya menjadi bukti keimanan dan kualiti istiqamah seseorang hamba dengan solatnya (Said Hawwa, 2005). Daripada perbincangan contoh amalan beragama yang wajib dilaksanakan iaitu solat, terdapat beberapa elemen yang perlu ada dalam menghayati nilai Iman, Islam dan Ihsan yang menjadi asas fardu ain kepada setiap muslim. Hakikatnya menghayati nilai tiga prinsip agama ini tidaklah terhad kepada ibadah khusus semata-mata, bahkan perlu difahami juga dalam kehidupan seharian sebagai hamba kepada Penciptanya. Di samping mampu meneguhkan

keyakinan dan membentuk peribadi terbaik merupakan salah satu usaha seseorang muslim membina kesejahteraan diri, iaitu dengan muhasabah dan berfikir mengenai keagungan dan keesaan Allah SWT serta menyerahkan segala urusan kehidupan kepada tadbir-Nya. Di dalam al-Quran meletakkan sebagai ‘khayra ummah’ merupakan satu umat yang mempunyai ciri-ciri terpenting dan tonggak utamanya sentiasa dikaitkan dengan tiga elemen penting, iaitu Islam, Iman dan Ihsan (Syed Hadzrullathfi & Nurul Aarifah, 2018).

Dengan mengambil kira dapatan-dapatan kajian yang telah dinyatakan, terdapat enam elemen utama yang terkandung dalam amalan beragama yang membawa maksud melaksanakan syariat Islam dalam bentuk amali ajaran Islam berdasarkan tiga prinsip agama iaitu iman, Islam dan ihsan. 10 ciri sifat ini merangkumi keseluruhan elemen dalam amalan beragama. Pelaksanaan amalan beragama haruslah berakar umbi kepada pengetahuan dan penghayatan berkaitan ilmu tentang tata cara amal perbuatan yang wajib (fardu ain) dengan segala cakupan yang ada padanya secara komprehensif iaitu meliputi amalan zahir dan batin, melibatkan hubungan hamba dengan Allah dan sesama manusia, wajib mematuhi perintah suruhan dan meninggalkan perintah tegahan. Di samping itu pelaksanaan amalan fardu dan nawafil serta keperluan pengamalan secara konsisten (istiqomah). Hakikatnya elemen-elemen ini saling melengkapi antara satu sama lain dan perlu diberikan perhatian dengan sewajarnya agar syariat amalan beragama yang dilaksanakan akan lebih memberi impak dan kesan yang baik kepada individu yang melakukannya. Berikut adalah perbincangan enam elemen amalan beragama:

Elemen pertama; Ilmu

Setiap individu muslim perlu menguasai sebaiknya ilmu fardu ain yang terangkum dalam tiga prinsip agama iaitu

iman, Islam dan ihsan. Perbincangan berkaitan ilmu telah dikupas di bawah sub topik ilmu fardu ain di atas. Melalui ilmu dan kefahaman ini akan menjadikan seseorang itu mampu menghayati erti sebenar kepentingan agama dalam kehidupan mereka. Ilmu suatu yang dituntut dan jalan untuk seseorang menuju ke hari akhirat dan kebahagiaannya, serta jalan untuk menghampirkan diri kepada Allah. Ilmu semulia-mulia jalan, dan tidak boleh sampai kepada amal kecuali dengan mengetahui cara beramal. Punca kebahagiaan di dunia dan di akhirat adalah ilmu (Taftazani 1996). Oleh yang demikian ilmu dan amal dalam amalan beragama menjadi kemestian kerana setiap individu muslim dikehendaki supaya menunaikan ibadahnya kepada Allah dengan sempurna dan menepati segala syarat ibadah yang ditunaikannya agar menjadi sah dan sempurna.

Ilmu yang paling bermanfaat ialah ilmu yang memperkenalkan seseorang dengan hukum-hakam perhambaan. Hakikat ilmu ialah mampu menjadikan seseorang menjalani kehidupan secara terpandu dengan suatu asas pegangan yang diyakini dengan sebenarnya serta menghasilkan akhlak mulia. Oleh yang demikian seseorang Muslim itu perlu melazimkan dirinya dengan ilmu (al-Zabidi, 1989). Semua jenis ilmu, samada yang bersifat keduniaan mahupun keakhiran, spiritual mahupun fizikal, kedua-duanya bersifat sepudu bagi mendorong dan membimbang pemiliknya supaya mengenal Allah dan mengabdikan diri kepada-Nya (Mohd Zaidi Ismail, 2009). Ilmu juga membawa pemiliknya mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Di sinilah terserlahnya Islam sebagai suatu sistem hidup yang sempurna dan lengkap.

Elemen kedua; Amalan Zahir dan Batin

Amalan beragama meliputi amalan zahir dan batin, iaitu meliputi amalan secara lahiriah (zahir) iaitu amalan anggota

badan, seperti mengerjakan solat, berpuasa di bulan Ramadan dan membayar zakat dan sebagainya. Manakala ilmu berkaitan amalan batin ialah ilmu berkaitan amalan hati, seperti perihal sifat-sifat terpuji dan tercela. Gabungan antara amalan zahir dan batin ini perlu diterapkan dalam setiap amalan ibadah dan tindakan sehari-hari bagi mencapai rasaan rohani sehingga meletakkan Allah semata-mata tempat pergantungan dan meminta pertolongan.

Elemen ketiga; Hubungan Hamba Dengan Allah dan Hubungan Hamba Dengan Manusia

Amalan beragama melibatkan hubungan dengan Allah ^{SWT} dan hubungan dengan manusia (al-Ghazali, 1971). Hubungan dengan Allah ^{SWT} iaitu melalui perintah suruhan ibadah yang merupakan komunikasi paling utama antara makhluk dengan Penciptanya. Setiap muslim perlu menjaga hubungan sebagai hamba dengan Penciptanya dengan melaksanakan amal ibadah yang telah disyariatkan. Bagi hubungan sesama manusia pula, sesuatu yang penting adalah mengenali diri sendiri terlebih dahulu (Faizatul & Faudzinaim, 2016). Menerusi pengenalan diri sendiri, manusia mampu mengenal Allah ^{SWT} seterusnya mengenali makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Bermula mengenal diri sendiri, manusia mampu memahami siapakah dirinya, kenapakah dirinya diciptakan, bagaimana dirinya diciptakan, apakah tujuannya diciptakan. Seterusnya mampu mengikuti semua perintah-Nya dan mencapai kebahagiaan yang sejati (Haque & Mohamed 2009). Menjaga hubungan dengan manusia dan makhluk ciptaan-Nya yang dituntut ini perlu dilaksanakan dengan sebaiknya sama ada dalam pergaulan, komunikasi dan muamalah dalam kehidupan sehari-hari.

Elemen keempat; Perintah Suruhan dan Perintah Tegahan

Amalan beragama mengandungi pengamalan perintah suruhan dan perintah tegahan seperti kewajipan menunaikan rukun Islam serta mematuhi kewajipan meninggalkan perkara yang haram seperti mencuri, berzina dan sebagainya. Perintah suruhan dan tegahan ini berjalan serentak dan perlu diaplikasikan dalam kehidupan sebagai hamba kepada Allah ^{SWT}. Apa juga yang dilaksanakan ada timbangan hukumnya sama ada wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Timbangan-timbangan hukum ini mampu menjadikan seseorang individu muslim itu lebih berhati-hati dan berwaspada dengan segala tindakan dan perlakuan dalam kehidupan seharian. Dan dengannya mampu melahirkan insan yang dikasihi Allah ^{SWT} dan Rasul-Nya ^ﷺ. Hakikatnya Allah ^{SWT} mengiktiraf sebagai orang soleh bagi mereka yang beriman kepada Allah ^{SWT} dan hari akhirat serta menyuruh membuat perkara baik dan melarang segala perkara yang salah serta bersegera kepada pelbagai perkara kebaikan (surah Al-Imran: 115). Jika dilihat di dalam skop yang lebih kecil, surah al-Tahrim, ayat 6 telah meletakkan aspek pencegahan dosa dan pelaksanaan tanggungjawab ini merupakan teras utama bagi menjamin kesejahteraan keluarga (Wan Mohd Yusuf et.al, 2018). Allah ^{SWT} menegaskan dalam ayat ini berhubung tanggungjawab pencegahan, perlindungan dan penjagaan yang perlu dilakukan oleh seseorang terhadap dirinya sendiri dan ahli keluarganya yang lain. Menurut Sayyid Hawwa apabila tanggungjawab- tanggungjawab ini dilaksanakan dengan sempurna, ia akan membawa ke arah pembentukan sebuah keluarga yang sejahtera (Sayyid Hawwa, 1988). Sebaliknya jika tanggungjawab ini diabaikan, ia boleh menyebabkan seseorang individu dan sesebuah keluarga mendapat hukuman daripada Allah ^{SWT}.

Elemen kelima; Amalan Fardu dan Nawafil (Sunat)

Amalan beragama mengandungi amalan fardu dan nawafil yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim. Orang-orang beriman disarankan supaya berlumba-lumba dalam melaksanakan amal ibadah kepada Allah, kerana Allahlah tempat kembali mereka (al-Maidah: 48). Orang-orang yang soleh yang terdiri dari kalangan para Nabi dan Rasul dan lain-lain sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebajikan, kebaikan dan ibadah kepada Allah (Surah al-Anbiya' 21:89-90). Umat Islam dituntut supaya melakukan ibadah sunat sebanyak mungkin selain dari ibadah wajib. Allah memerintahkan orang-orang Mukmin supaya berzikir sebanyak mungkin (Surah al-Ahzab 33:41). Allah menyifatkan orang yang banyak menyebut dan mengingati Allah adalah orang yang berakal (Ali Imran: 190-191).

Perintah dan saranan melaksanakan amalan nawafil dan keperluan melazimi amalan-amalan sunat adalah bagi mendekatkan diri serta menggapai kasih sayang dan rahmat Allah. Ini berdasarkan Sabda Rasulullah di dalam hadis Qudsi, firman Allah:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُمَّ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا
فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحُرُبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ إِلَّا حَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ
عَلَيْهِ وَمَا يَرَأُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالْتَّوَافِلِ حَتَّىٰ أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحِبَّتُهُ كُثُرًا
سَمِعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبَصِّرُ بِهِ وَيَدُهُ الَّتِي يَبْطِئُ بِهَا وَرِجْلُهُ
الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ وَلَمْ يَسْتَعَدْنِي لَأُعْيَدَنَّهُ وَمَا تَرَدَدْتُ
عَنْ شَيْءٍ إِنَّا فَاعِلُهُ تَرَدُّدِي عَنْ نَفْسِ الْمُؤْمِنِ يَكْرُهُ الْمَوْتَ وَإِنَّا أَكْرُهُ
مَسَاءَتَهُ

Terjemahan: Dari Abu Hurairah RA, Rasulullah ﷺ bersabda: “Allah ﷺ berfirman; Siapa yang memusuhi wali-Ku, maka Aku umumkan perang kepadanya. Tidaklah seorang hamba mendekatkan diri kepada-Ku dengan melakukan sesuatu yang lebih Aku cintai daripada yang telah Aku wajibkan kepadanya. Tidaklah seseorang itu sentiasa mendekatkan diri kepada-Ku dengan mengerjakan amalan-amalan sunat, kecuali Aku akan mencintainya. Jika Aku sudah mencintainya, maka Akulah pendengarannya yang ia jadikan untuk mendengar, dan pengelihatannya yang ia jadikan untuk melihat dengannya, dan tangannya yang ia jadikan untuk melakukan sesuatu, dan kakinya yang dijadikannya untuk berjalan, jika dia memohon kepada-Ku, pasti akan Aku akan memberinya, dan jika meminta perlindungan daripada-Ku, pasti Aku melindunginya. (HR Bukhari No: 6021)

Hadis ini menjelaskan bahawa apabila seseorang muslim itu melazimi segala kefarduan yang telah ditetapkan dan berterusan melaksanakan amalan sunat (nawafil), maka Allah ﷺ akan mengasihinya dan muslim tersebut akan sentiasa terdorong melaksanakan kebaikan, mampu menggunakan pancainderanya seperti penglihatan, pendengaran dan bercakapan kearah perkara yang diredhai Allah ﷺ. Janjian Allah ﷺ kepada muslim tersebut adalah tertunainya segala permohonan doa, cita-cita dan hasrat serta akan beroleh perlindungan Allah ﷺ. Semuanya ini bertujuan untuk memperkasakan sifat takwa, dengan menunaikan amalan yang difardukan dan perlu memperbanyakkan amalan yang disunatkan. Antara amalan tersebut adalah bersedekah, sabar, muhasabah, zikrullah dan tafakkur dan sebagainya. Ayat 35, surah al Ahzab ini disudahi dengan amalan pengukuh kepada ketiga-tiga sendi Islam tersebut iaitu menyebut nama-Nya sebanyak-banyaknya dengan maksud beramal soleh kerana Allah ﷺ. Di akhir ayat pula

Allah^ﷻ menyatakan ganjaran yang akan diperolehi iaitu keampunan dan pahala yang besar.

Elemen keenam; Istiqomah

Amalan beragama perlu dilaksanakan secara istiqomah dan berterusan sebagai lambang ketaatan kepada segala perintah yang disyariatkan (surah Fussilat: 6 & 30; surah al-Syura: 15). Martabat istiqomah ini hakikatnya lebih mulia daripada seribu karamah (kemuliaan) yang dikurniakan kepada para hamba-Nya yang soleh (Ahmad Ibn Idris, 2018). Istiqomah bererti kebenaran atau ketulusan (Muhammad Idris, t.t) dalam melaksanakan pengabdian kepada Allah SWT, secara terus menerus tanpa mengira berapa banyak kebaikan yang telah dilakukan. Sebagaimana hadis nabi SAW:

استقيموا ولن تحسوا واعلموا ان خير اعمالكم الصلاة
ولا يحافظ على الوضوء الا مؤمن

Terjemahan: Istiqomahlah kamu dan jangan sesekali menghitung-hitung (amalmu). Ketahuilah bahawa sebaik-sebaik (amalan) agamamu adalah solat, dan tidak ada yang mampu menjaga wudhu selain orang mukmin (Sunan Ibnu Majah, Juz 1)

Dengan demikian, istiqomah bererti teguh pendirian dalam bersikap. Sedangkan dalam beribadah adalah konsisten dan terus menerus dalam pengamalannya (Mohmidaty, 2014). Di antara tanda-tanda istiqomah adalah tidak berubah pelaksanaan ibadahnya dalam semua keadaan (Al-Qushairy, t.t). Orang yang tidak mampu istiqomah dalam ibadahnya, maka usahanya dikira gagal, kerana hanya orang yang berjiwa besar sahaja dalam kekal istiqomah (surah Hud: 112), Allah^ﷻ turut menjelaskan bahawa orang dapat

melaksanakan istiqomah dalam pengabdian kepada-Nya, maka Allah ^{SWT} menjamin tidak ada rasa ketakutan dan kesedihan dalam hidupnya dan Allah menjanjikan kebahagian di syurga di akhirat kelak (surah Fussilat: 30). Allah ^{SWT} turut menjanjikan balasan terbaik sebagai memotivasi kan manusia agar menerapkan istiqomah dalam kehidupan (surah al-Jin: 16).

Sebagai kesimpulan, enam elemen ini adalah sangat perlu diberikan perhatian kerana jika amalan beragama yang dilaksanakan tanpa menepati salah satu daripada enam elemen ini, maka amal ibadah yang dilakukan tidak diterima disisi syarak dan tidak memberi kebaikan kepada pelakunya. Bahkan amalan tersebut menjadi sia-sia serta tidak memberi manfaat yang sewajarnya. Sebagai contoh dalam ibadat solat fardu yang dilakukan tanpa ilmu berkaitan wudhuk, rukun dan syarat sah solat serta lainnya, maka solat yang dilakukan adalah tidak sah pada sisi syarak. Pelaksanaan amalan beragama berdasarkan ilmu fardu ain yang terdapat dalam rukun iman dan rukun Islam perlu dilakukan berdasarkan ilmu dan kefahaman serta keyakinan. Disamping itu pelaksanaan dengan penuh penghayatan berdasarkan rangkuman tiga dimensi agama iaitu iman, Islam dan ihsan. Bermula dengan pegangan akidah yang mantap, mempelajari hukum dan syarat-syarat sah dan batal sesuatu ibadah dan seterusnya menghayati nilai tersirat ilmu tasawuf perlu di fahami dan dilatih pelaksanaannya bagi memantapkan akidah dan ibadah umat Islam. Gabungan tiga prinsip agama ini mampu memberi kesan terhadap jiwa manusia dan dengan kesungguhan melaksanakannya mampu menyembuhkan jiwa yang sakit, mengeluarkannya daripada genggaman hawa nafsu dan merealisasikannya bersama rasa keseronokan dalam beribadah. Dengan menghayati makna sebenar amalan beragama iaitu nilai tiga perinsip agama iaitu Iman, Islam dan ihsan akan dapat memberikan kesan kepada pihak yang melaksanakannya.

Kesimpulan

Dalam mendepani cabaran era kontemporari, asas agama perlu difahami dan dihayati dengan sebaiknya. Peranan ilmu bagi memahami dan menghayati perkara utama dalam prinsip agama perlu diutamakan untuk menjamin keutuhan ummah. Agama bukan sekadar amalan dan ibadah semata-mata, ia merupakan sebuah aturan kehidupan yang telah disyariatkan sebagai panduan dan peraturan yang wajib dipatuhi. Dengan memahami, menghayati dan mengamalkan nilai iman, Islam dan ihsan, seorang muslim mampu menjadi kuat dalam menongkah cabaran kehidupan sama ada sebagai individu, pekerja, ahli keluarga dan ahli masyarakat secara lahiriah dan batinnya. Pelaksanaan amalan beragama melalui rukun iman dan rukun Islam berdasarkan 10 ciri-cirinya yang termaktub di dalam al- Quran perlu dilakukan berlandaskan ilmu dan kefahaman serta keyakinan. Disamping itu ilmu tersebut mestilah diiringi penghayatan berdasarkan rangkuman tiga dimensi agama iaitu iman, Islam dan ihsan. Gabungan tiga prinsip agama ini mampu memberi kesan terhadap jiwa manusia dan dengan kesungguhan melaksanakannya, mampu menyembuhkan jiwa yang sakit, mengeluarkannya daripada genggaman hawa nafsu dan merealisasikannya bersama rasa kemanisan dalam beribadah.

Rujukan

1. ‘Abd al-Ghani Ibn Ismāīl al-Nabulsi, *Haqāiq al-Islām wa Asrārih* (Dār Turāb al ‘Arabiyy, 1986), 205.
2. Abd. Al-Karim al-Qushairi 1972, al-Risalah al-Qushairiyah, al-Qahirah: Dar al-Kutub el-Hadithah.
3. Abdul Aziz Dahlan, *Ensiklopedia Hukum Islam*, (Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 1996), 2: 592.

4. Abdul Qādir ‘Isā, *Haqāiq ‘An al Taṣawwuf* (Syria: Dar Mā’arif, 2007), 24-25.
5. Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Zuraina Ali, Noor Dahiah Sulhana Dzainal, Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 12, (page 31 - 44), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.593>
6. Abi al-Ḥusayn Aḥmad bin Faris bin Zakariyā, *Mu‘jam Muqayis al-Lughah*, (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1971), 2: 86.
7. Abi Naṣr Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Tarkhan Ibn ‘Uzlaq al-Farābī, *Kitab Tanbīh ‘alā Sabīl al-Sa‘ādah*. Matba‘ah Majlis Dā’irah al-Ma‘arif al-Uthmaniyyah, 1966), 2.
8. Abu Bakr Jabir al-Jaza’iri, ‘Aqīdah Mu’min (Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, t.t), 23.
9. Abu Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, Sahih Bukhari, ed. Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqi, (al-Qahirah: Dar Ibn al-Haitham, 2004) 532.
10. Abu `Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (1964), *Tafsir al-Qurtubi*, j.14, Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriah, h. 185.
11. Abu Muhammad Abdul Qadir bin Abu Soleh Abdullah bin Janki al-Jilani, 2016, *Sirr al-Asrār Wa Muzhir al-Anwar*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
12. Ahmad Baha Mokhtar, Syed Hadzrullathfl Syed Omar & Abdul Muthalif Afuwardeen, Zikir Dan Kesannya Terhadap Kemajuan Bangsa Dan Negara, kertas kerja Persidangan Kebangsaan Syariah dan Undang-Undang, 2014.
13. Ahmad Ibn Ali ibn Hajar al-Asqalani, op.cit.; Mohd Zaidi Ismail, (2009), “Faham Ilmu Dalam Islam: Pengamatan Terhadap Tiga Takrifan Ilmu”, AFKAR, Bil.10/2009, 36-60., h.47-48.

14. Ahmad Ibn Idris, al-Nafahat al-Rabbaniyyah Fi Syarh Hadith al-Sunnah al-Muhammadiyah, Penterj: Muhammad Fuad b Kamaludin, Hembusan Rabbaniyah Dalam Syarahan Hadis Sunnah Nabawiah, KL: Masyaykhah Tarekat Ahmadiyah Muhammadiyah Asia Tenggara, 2020: 130-134.
15. Ahmad Ibn Idris (2018), *Sharh Aqidah al Imam al Syafi'e wa yalihi Kimya' al Yaqin*, Terj. Muhammad Fuad bin Kamaluddin (Huraian Aqidah Imam Syafie dan Formula Yaqin Orang-orang Bertaqwah), Sofa Production: Masyaykhah Tarekat Ahmadiyah Idrisiah Asia Tenggara.
16. Ahmad Ibn Idris, (t.t), Manuskrip Tafsir al-Quran, Institut Ahmad Ibn Idris.
17. Ahmad Mustafa Al-Maraghi, Tafsir al-Maraghi, Beirut: Dar Fikr, 2006.
18. Al-Zamzami b Muhammed Ibn al Ṣiddīq al Ghummārī, *al Intiṣār LiTariq al Ṣufīyyah al Akhyār* (Mesir: Dār Ta'līf, t.t.), 5-6.
19. Al-Bāqillānī, al-Taqrīb wa al-Irshād fī Uṣūl al-Fiqh, ed. Muhammed al-Sayd ‘Usmān (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1971), 158–160; Muhammed ‘Alī al-Tahānawī, Mawsū’ah Kashāf Iṣṭilahāt al-Funūn wa al-‘Ulūm, ed. Rafīq al-‘Ajām (Beirut: Maktabah Libanon), 1268–1269.
20. Al-Ghazālī, Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1971) jil. I, 31. (Abū Ḥāmid Al-Ghazālī (450–505 H/1058–1111 M).
21. Al-Nawawī, al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002) jil. I, 590.
22. Abū Abdillah Muhammed al-Qurtubi, al-Jamī‘ li Aḥkām Al-Quran (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006)
23. Al-Sakandari. 1961. Iftāh al-Falāh wal islāh al Arwāh, Qahirah: Maktabah Matba’ah Mustafa al-Bā i l-Halabi wa Awlā ihī al-Samarqadi, Abu Layth Nasr ibn

- Muhammad. 1992. *Tanbīh al-Ghāfiṭīn*. Beirut: Dar al-Fikr.
24. Al-Tirmidhi. (1998). Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Iman, Bab Ma Ja’ a Fi Wasf Jibril li al-Nabiyy S.a.w. alIman wa al-Islam, j. 4, no. hadith 2610, h.302.
25. Al-Zarnūjī, Ta’līm al-Muta‘allim, dengan disyarahkan oleh Shaykh Ibrāhīm ibn Ismā‘īl, (Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyah, 2007), 11.35.
26. American Psychological Association. (2011). Capaian pada 20 April 2021 dari <https://www.apa.org/about/division/div36>
27. Awang Drahman, A. N., Abidin Lubis, M. A., & Hamzah, M. I. (2017). Amalan kerohanian membentuk disiplin pelajar. Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017).
28. Azma Mahmood. (2006). Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Tahap Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
29. Berita Harian (2020). COVID-19 cetus krisis kesihatan mental global – PBB. Capaian pada 20 April 2021 dari <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/05/688677/> COVID-19-%20cetus-krisis-kesihatan-mental-global-pbb.
30. Budi, Dadan (2013) *Implikasi Paedagogis Al-Qur'an Surah Al-Ahzab Ayat 35 Tentang Kriteria Insan Kamil: Analisis Ilmu Pendidikan Islam*. Thesis, UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
31. Che Zarrina Sa’ari & Joni Tamkin Borhan (2004), “Era Globalisasi: Cabaran Terhadap Islam”, Innovatio, Journal For Religious Innovation Studies, Vol. 3, No. 6, Disember, IAIN Sulthan Thaha Saifuddin, Jambi, Indonesia, hlm. 125.
32. Che Zarrina Sa’ari, “Islam Dalam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi”, Kertas kerja yang dibentangkan dalam

- Seminar Pemikiran Islam Abad 21, anjuran Yayasan Islam Kelantan (YIK), 25 Ogos 2001.
33. Damanhuri Basyir. "Ilmu Tasawuf Dalam Menghadapi Tantangan Kemodenan." Dalam *Jurnal Qalbu* 3.3. 65-68, 2017.
 34. Faizatul Najihah binti Mohd Azaman & Faudzinain bin Badaruddin / UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies. vol.3, no. 1 (2016) 11–27.
 35. Fauzī ibn Muḥammad Abu Zayd, *Manhaj al Ṣūfiyy Wa al Hayah al 'Aṣriyyah* (Kaherah: Dar Imān Wa al Hayāh, t.t), 34.
 36. Haque & Mohamed. (2009). *Psychology of Personality Islamic Perspectives*. Singapore: Cengage Learning Asia Pte Ltd.
 37. Ibnu Sina, *al-Syifa' al-Ilāhiyyāt*, ed. Al Ab Qanwati & Sa'id Zaid. Kaherah: al Matobi' al Amiriyyah, 1960),
 38. Imam Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, Juz 1 (Beirut: Dar al Fikr, 2004) h.103
 39. Jahid Sidek, 2017. "Konsep Tasawuf Yang Muktabar Dalam Akidah." *Jurnal Qalbu* 4.3 (Dis 2017): 44-81 3 (Dis): 44–81.
 40. Jawatankuasa Istilah Fiqh, Glosari Fiqh, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995), 56.
 41. Jenkins R., Baingana F., Ahmad R., McDaid D., & Atun R. (2011). Mental health and the global agenda: core conceptual issues. *Mental Health in Family Medicine journal*. 8 (2), 69–82.
 42. Khallāf, 'Abd al-Wahhāb, 'Ilm Uṣūl al-Fiqh (Cairo: Dār al-Qalam li al- Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi', 1978), Cet. VII.
 43. Lia Mega Sari, Khusyuk Dalam Al-Qur'an (Kajian Tematik), jurnal NUN, Vol. 4, No. 2, 2018.
 44. Mahmūd Hamdī Zaqzuq, "Madkhāl Ām Ḥaula Mafhūm Al-Taṣawuf Al- Islāmi." Dalam Mahmūd Hamdī Zaqzuq et.al. *Mausū'ah Al-Taṣawuf Al-Islāmi* (Kaherah: Dār al Kutub Al-Miṣriyyah, 2012), 20-21.

45. Mahmud Muhammad, *al-Dīn ‘Inda Allāh*, (Jordan: Maktabah al-Risālah al-Ḥadithah, 1982), 49.
46. Malik Bin Anas Abu Abdillah al-Asbahī, Muwattha’ Imam Malik Jili II (Mesir: Darun Ihya’, tt).
47. Marcotte D., Margolin, A., & Avants, SK. (2003). Addressing The Spiritual Needs Of A Drug User Living With Human Immunodeficiency Virus: A Case Study. *Journal Alternatives Complement Medicine*, 9(1), 169–75.
48. Mitchell. S., & Romans, S. (2003). Spiritual Beliefs In Bipolar Affective Disorder: Their Relevance For Illness Management. *Journal Affect Disorder*, 75(3), 247–57.
49. Mohd Huzairi Awang@Husain. (2017). “Penghayatan Fardhu Ain Remaja Pekak Di Malaysia, Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
50. Mohd Kamal Hassan,. 2012. “Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam.” *Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia*, 1–7.
51. Mohd Roslan Mohd Nor & Zaiton Mustafa, “Pembangunan Individu Menurut Ibnu Sina: Analisis Terhadap Karya-karya Terpilih.” Dalam *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 534-548, 2018,
52. Mohd Shahran Bin Abdul Ghani, Jadhbah Menurut Pemikiran Pengamal Tarekat Ahmadiyyah Qādiriyah, (Tesis PhD, Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, 2016).
53. Mohd. Sholeh Imam Musbikin, *Agama sebagai Terapi: Telaah Menuju Ilmu Kedokteran Holistik* (Yogjakarta: Pustaka Pelajar, 2005), 41-42
54. Mohd Zaidi Ismail. (2009). “Faham Ilmu Dalam Islam: Pengamatan Terhadap Tiga Takrifan Ilmu”, AFKAR, Bil.10/2009:48.
55. Mohmidaty, 2014, “Signifikansi Maqamat Dan Amalan Pada Pendidikan Tasawuf” *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 2014, h.53-87.

56. Muḥammad ‘Alī al-Tahānawī, Mawsū’ah Kashāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-‘Ulūm, ed. Rafīq al-‘Ajam (Beirut: Maktabah Libanon), 1268.
57. Muhammad Ratib al-Nabulsi, Tafsir al-Nabulsi Tadabur Ayatillah Fi al Naf wa al-Kaun wa al-Hayah jil10, 2017, Amman: Al-Fursan.
58. Muḥammad Sallām Madkhūr, *Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah ‘Abd Allah, 1955), 2:11.
59. Muhammad Shahjahan. “An Introduction to the Ethics of al-Farabi.” Dalam *Islamic Culture*, Bil. 59, Januari, 1985, 46.
60. Murtada al-Zabidī, *Ithaf al-Sadah al-Muttaqīn bi-Sharh Ihya’ ‘Ulum al-Dīn*, (Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah, 1989), 217-8.
61. Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya, Fatimah Nadirah, Mohd Noor. (2016). “Fardhu ‘Ain Sebagai Kerangka Pembentukan Disiplin Pelajar Di Institusi Pendidikan Islam.” *Jurnal Ulwan Jilid 1 2016*: 59-73.
62. Muslim, *Sahīh Muslim*: Kitāb al-Imān, Bab Bayan al-Imān wa al-Islām wa al-Ihsān, hadis no.93, 68.
63. Muṣṭafa Aḥmad al-Zarqā’, *al-Madkhal al-Fiqhi al-‘Ām* (Damsyik: Muṭābi‘Alif Ba’-al-Adib 1968), 1: 30 dan Badrāyn Abu al‘Aynāyn Badrāyn, *al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, Iskandariah: Mu’assasah Syabāb al-Jami‘ah, 1972), 30.
64. Norfaizah binti Omar dan Norsaleha binti Mohd Salleh, Penghayatan Akidah Dan Hubungannya Dengan Nilai Integriti Dalam Kalangan Penjawat Awam Dalam Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin (Siri 2) 2021, Penyunting: Muhammad Yusuf Marlon Abdullah Nazneen Binti Ismail Nur Us wah Binti Ahmad Fauzi Siti Nurbalqis Binti Baharuddin Penerbit Fppi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 2021.

65. Norsaleha Mohd Salleh. (2015) *Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. PhD thesis, UKM.
66. Nozira Salleh, Faudzinain Badaruddin, Rosmawati Rasit, Mohd Haidhar Kamarzaman, Indriaty Ismail & Ahmad Yunus Mohd. Nor, The Importance of Tasawuf Practice in the Life of Modern Society, International Journal of Business and Social Science Vol. 11 • No. 10 • October 2020.
67. Nozira Salleh, Faudzinain Badaruddin, Rosmawati Rasit, Mohd Haidhar Kamarzaman, Indriaty Ismail & Ahmad Yunus Mohd. Nor, The Importance of Tasawuf Practice in the Life of Modern Society, International Journal of Business and Social Science Vol. 11 • No. 10 • October 2020.
68. Nugraha Mukhlis, 2017, “Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya Dalam Kurikulum Pendidikan Islam,” *TAFHIM: IKIM Journal Of Islam And Contemporary World* 10, 103-149.
69. Quṭb Muḥammad Sanū, Mu‘jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh (Beirut: Dār al-Fikr, 2000), 314.
70. Sa‘id Hawwa. 1988. Qawanin Al-Bayt Al-Muslim. Kaherah: Muassasah Al-Khalij Al-’Arabi.
71. Sa‘īd Hawwa, *al-Islām*, (Kaherah: Dar al-Salam, 2001), 101-105.
72. Sa‘īd Hawwa, *al-Mustakhlaṣ fi Tazkiyah al-Anfus* (Kaherah: Dar al Salām, 2005), 33.
73. Sa‘īd Hawwa, *Tarbiyatuna al Rūhiyyah*, (Kaherah: Dar al Salām, 1999), 13.
74. Safiah Abd Razak, Che Zarrina Sa’ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. “Relevansi Tasawuf dan Pembangunan Rohani Insan: Satu Sorotan Awal.” Dalam *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences BITARA*, 2018 Volume 1, Issue 4, 71-84.

75. Salasiah Hanin Hamzah, *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al Ghazali* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016), 235.
76. Sharifah Basirah Syed Muhsin, 2021. “Terapi Psikospiritual Sufi Terhadap Masalah Depresi”, Kertas Kerja Seminar Peranan Sufisme Dalam Psikospiritual, 2021. ARG Training & Consultancy.
77. Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2017. “Mengurus Antara Keluarga Dan Kerjaya Organisasi : Analisis Melalui Pendekatan Al-Tadayyun, Al-Maqasid Dan Al-Wasatiyyah.” *Akademika* 87(3), Oktober 2017.
78. Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2017. “Mengurus Antara Keluarga Dan Kerjaya Organisasi: Analisis Melalui Pendekatan Al-Tadayyun, Al-Maqasid Dan Al-Wasatiyyah.” *Akademika* 87 (3): 195–206.
79. Sharifah Norshah Bani Syed. 2018. “Citra Jati Diri Wanita Menurut Perspektif Al-Quran.” In *Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran Dalam Masyarakat Kontemporari 2018*, 1–21.
80. Shohana Hussin, Pendidikan Kerohanian Dalam Kitab Turath Jawi Siyar al-Salikin Spiritual Education in Turath Jawi Siyar al –Salikin, Sains Insani 2020, Volume 05 No 1: 67-72.
81. Siti Masruroh, Nurwadjah Ahmad EQ & Andewi Suhartini. 2021. “Implementasi Nilai Iman , Islam Dan Ihsan Pada Pendidikan Agama Di Perguruan Tinggi Umum.” *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam* 02 (1): 56–70. lihat Shohana Hussin, Pendidikan Kerohanian Dalam Kitab Turath Jawi Siyar al-Salikin Spiritual Education in Turath Jawi Siyar al –Salikin, Sains Insani 2020, Volume 05 No 1: 67-72, lihat Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya, & Fatimah Nadirah Mohd Noor, Fardhu ‘Ain Sebagai Kerangka Pembentukan Disiplin Pelajar Di Institusi Pendidikan Islam, *Jurnal Ulwan* Jilid 1 2016: 59-73.

82. Siti Masruroh, Nurwadiyah Ahmad EQ & Andewi Suhartini. 2021. "Implementasi Nilai Iman , Islam Dan Ihsan Pada Pendidikan Agama Di Perguruan Tinggi Umum." *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam* 02 (1): 56–70.
83. Subhan Nurdin, Keistimewaan Shalat Khusyu` , (Tangerang: Qultum Media, 2006), cet. ke-1.
84. Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Nurul Aarifah. 2018. Pembentukan Ummah Wasatiyyah Menerusi Terapi Tauhid Al-Hikam Shaykh Ibn Ataillah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 16(1): 11-21.
85. Taftazani, Abu Al-Wafa' Al-Ghanimi. (1996). Perkembangan Tasawuf Islam. Terj. Abd. Shukor & Mudasir. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
86. Toghyani, M., Kajbaf, M.B., & Ghamarani, A. (2018). What Does Islamic Lifestyle Say about Depression Management?. *Zahedan Journal of Research and Medical Science*, 20 (7), 67766.
87. Wall, D.S. (2005), 'The Internet as a Conduit for Criminals', pp. 77-98 in Pattavina, A. (ed) *Information Technology and the Criminal Justice System*, Thousand Oaks, CA: Sage (Chapter revised March 2010 – revisions in purple).
88. Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Ahmad Jazlan Mat Jusoh & Abdul Wahab Md. Ali, Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Surah Al-Tahrim Ayat 6, Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018, 15-16 September 2018.
89. Yufiza Yusof, Rafidah Mohd Basir, Saleha Abd Azis dan Zamaruzaman Mohamad. (2016). Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia. Kolej Komuniti Batu Gajah.